

**SUKATAN PELAJARAN
KESUSASTERAAN
DALAM BAHASA MELAYU
SEKOLAH MENENGAH
2013**

**2013 SYLLABUS
LITERATURE IN MALAY
SECONDARY**



Ministry of Education
SINGAPORE

© Copyright 2012 Curriculum Planning and Development Division. This publication is not for sale. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced without the prior permission of the Ministry of Education Singapore.

SUKATAN PELAJARAN KESUSASTERAAN DALAM BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH 2013



@Copyright 2013 Curriculum Planning and Development Division.
This publication is not for sale. All rights reserved. No part of this
publication may be reproduced without the prior permission of the
Ministry of Education, Singapore.
Year of Implementation: from 2013

KANDUNGAN

1. **PENDAHULUAN**
2. **FALSAFAH PENDIDIKAN**
3. **HASIL PENDIDIKAN YANG DIINGINI**
4. **MATLAMAT DAN OBJEKTIF**
 - 4.1 Matlamat
 - 4.2 Objektif
5. **HASIL PEMBELAJARAN**
 - 5.1 Prosa
 - 5.2 Puisi
 - 5.3 Drama
6. **PERINCIAN KANDUNGAN**
 - 6.1 Genre Teks yang Disarankan
 - 6.2 Unsur Sastera
 - 6.3 Kajian Teks
7. **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**
 - 7.1 Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran
 - 7.1.1 Analisis Secara Kritis
 - 7.1.2 Penggunaan Bahan
 - 7.1.3 Respons Terhadap Sastera
 - 7.1.4 Peningkatan Kemahiran untuk Apresiasi Bahan Sastera
 - 7.1.5 Pendedahan kepada Bahan Sastera
 - 7.1.6 Pengetahuan dan Kemahiran Guru
 - 7.2 Domain Kemahiran
 - 7.3 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran
 - 7.3.1 Pendekatan
 - 7.3.2 Kaedah
 - 7.3.3 Teknik
 - 7.3.4 Pengajaran dan pembelajaran yang Menegaskan Pelibatan Pelajar
 - 7.3.5 Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran
 - 7.3.6 Masa Pengajaran

8. PENILAIAN

- 8.1 Maksud Penilaian
- 8.2 Penilaian Pembelajaran dan Penilaian untuk Pembelajaran
- 8.3 Penilaian untuk Pembelajaran
- 8.4 Kitaran Penilaian dan Maklum Balas dengan Pembelajaran
- 8.5 Kaedah dan Strategi Penilaian
- 8.6 Alat-alat Penilaian

9. LAMPIRAN

- A. Unsur-Unsur Sastera
- B. Kajian Teks
- C. Contoh Pendekatan Pengajaran
- D. Contoh Teknik pengajaran
- E. Aktiviti Saranan
- F. Alat Penilaian

1. PENDAHULUAN

Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu merupakan subjek yang diajarkan di peringkat Menengah 3 dan 4 di sekolah-sekolah menengah. Subjek ini ditawarkan sebagai salah satu subjek pilihan bagi para pelajar yang mengambil Bahasa Melayu (BM) dan Bahasa Melayu Lanjutan (BML) yang akan menduduki peperiksaan GCE Peringkat 'O'. Subjek ini boleh diambil sebagai subjek penuh atau sebahagian Subjek Gabungan Kemanusiaan (Elektif).

Kurikulum Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah untuk mendukung hasrat falsafah pendidikan negara yang bertujuan untuk membentuk sikap positif dalam kalangan pelajar agar menjadi warganegara yang seimbang dari segi intelek, sosial, moral dan estetika. Melalui pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan, para pelajar diberi pendedahan terhadap hasil sastera yang berlatarkan masyarakat setempat, serantau atau sejagat. Pendedahan terhadap hasil sastera ini mempunyai potensi untuk meningkatkan pemahaman pelajar tentang sikap anggota masyarakat dan skop budaya yang menjadi latar hasil sastera yang dipelajari. Selain itu, pemikiran, sahsiah atau keperibadian dan kesedaran sosial pelajar boleh dikembangkan. Pelajar juga berpeluang memahami kebudayaan, sistem nilai dan sudut pandangan jagat sesebuah masyarakat. Hal ini diharap akan dapat meningkatkan persefahaman sejagat dan meluaskan wawasan pelajar.

Subjek kesusasteraan memerlukan pelajar mengkaji teks sastera secara menyeluruh. Kajian ini meliputi pelbagai aspek sastera: tema, perutusan atau pengajaran, persoalan, nilai, plot, watak dan perwatakan, latar dan gaya bahasa. Oleh sebab itu, guru tidak harus memfokuskan pengajaran dan kajian teks sastera kepada pengajaran bagi memahami kandungan teks yang dibaca semata-mata. Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan di bilik darjah perlu memenuhi keperluan kajian teks tersebut. Pelajar perlu digalakkan membaca teks sebelum kegiatan kajian dijalankan di bilik darjah. Mereka juga perlu diberi penjelasan tentang perkembangan kesusasteraan Melayu dan digalakkan membaca hal yang sama bagi meningkatkan kefahaman, kemahiran menilai dan mengapresiasi teks sastera yang dipelajari.

Penggunaan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Penerapan ketiga-tiga inisiatif, iaitu Kemahiran Teknologi Maklumat dan Informasi (ICT), Kemahiran Berfikir dan Pendidikan Nasional dalam bahan pengajaran dapat meningkatkan mutu pengajaran guru. Selain itu, pengajaran yang berpusat pada pelajar amat digalakkan kerana cara ini dapat membantu pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan sekali gus membantu mereka menghayati kandungan pelajaran, menikmati kehalusan dan keindahan karya sastera serta meningkatkan daya afektif dan kreativiti mereka. Seterusnya penghayatan terhadap hasil sastera ini membolehkan pelajar menganalisis bahan tersebut dan memberikan pandangan dan membuat penilaian terhadap bahan sastera dengan wajar.

2. FALSAFAH PENDIDIKAN

Pendidikan di Singapura mempunyai dua tujuan, iaitu membina sikap pelajar dan menyediakannya menjadi warganegara yang baik serta bersedia untuk alam pekerjaan. Pendidikan merupakan satu proses yang membentuk pelajar menjadi insan yang sebaik mungkin secara keseluruhan. Melalui pendidikan, pelajar dibentuk dari segi moral, intelektual, fizikal, sosial, emosi dan estetika. Pelajar juga akan belajar menjadi seorang yang penyayang dan bertanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat serta memahami dan memainkan peranan dalam memberikan sumbangan kepada masa depan Singapura.

Tujuan Persekolahan

Sekolah merupakan institusi pembelajaran. Dengan kerjasama keluarga, sekolah membolehkan pelajar mengenali diri dahulu, kekuatan dan pelbagai aspek pertumbuhan diri. Sekolah memberikan asas-asas kukuh pembelajaran untuk menyediakan pelajar ke tahap pendidikan selanjutnya. Pada masa yang sama, pelajar dilengkapi dengan kecekapan-kecekapan yang membolehkannya maju dalam dunia yang kompetitif. Kecekapan-kecekapan ini termasuklah kebolehan melahirkan pendapat dengan yakin, berfikiran kritis, bekerja dalam kumpulan, dan berinovatif serta berdaya usaha.

Mengasuh Pelajar


Pelajar merupakan tumpuan segala usaha pengajaran dan pembelajaran. Tanggapan kita tentang pelajar dan cara dia belajar memandu kita untuk membantunya menjadi yang terbaik.

- Setiap anak mempunyai nilai intrinsik; berperibadi dengan fikiran dan tanggapan sendiri. Kesabaran dan kegigihan diperlukan untuk mengasuh anak-anak semasa tanggapan dan sistem nilainya terbentuk.
- Setiap pelajar mampu belajar dan berjaya. Dia mempunyai keperluan dan keupayaannya sendiri dan berkembang mengikut kemampuannya. Dia memerlukan bimbingan untuk membina kekuatan dan mencapai matlamatnya.
- Pelajar belajar dengan baik sekiranya ada peraturan dan disiplin. Dia juga memerlukan jagaan dan galakan untuk meneroka dan mencapai sesuatu dengan cemerlang. Keseimbangan antara kedua-duanya melahirkan suasana yang kondusif untuk pembelajaran dan pertumbuhan.
- Pembelajaran pelajar haruslah sesuai dengan perkembangan mereka. Perkara yang diajarkan perlu sesuai dengan usia, cara dan berapa banyak perkara itu perlu dipelajari. Hal ini akan membantu pelajar membangunkan keyakinan dan motivasinya untuk belajar.

Para pendidik harus memahami pelajar-pelajar mereka dan prihatin akan isu-isu pendidikan yang kompleks. Mereka juga harus berusaha mendalami kemahiran dalam subjek yang diajarkan dan mengukuhkan kecekapan untuk pengajaran dan pembelajaran. Pendidik yang baik mengutamakan anak didiknya dan yakin bahawa mereka boleh meninggalkan kesan kepada kehidupan anak itu.

Sekolah merupakan wadah bagi pelajar bergaul. Semasa berinteraksi dengan pelajar-pelajar dari latar yang berbeza, pelajar sedar bahawa dirinya ialah sebahagian daripada masyarakat yang lebih besar dan secara aktif dia mampu memberikan sumbangan kepada kehidupan orang lain. Dia juga belajar untuk bekerjasama secara rentas budaya. Sekolah menyediakan peluang untuk pelajar mengembangkan rasa cinta akan negara.

Sekolah memberikan bimbingan dan hala tuju moral kepada pelajar melalui etos disiplin dan keprihatinan. Para pendidik membimbing dan mencorak daya berfikir dan tanggapan pelajar serta membentuk keperibadian moralnya. Akhirnya, pelajar akan memperoleh pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan yang diperlukan untuk menjalani kehidupan yang bermakna dan menyumbang kepada masyarakat dengan aktif.



3. HASIL PENDIDIKAN YANG DIINGINI

Seseorang pelajar yang melalui pendidikan sekolah menengah haruslah mencapai hasil pendidikan yang diingini. Pelajar itu mempunyai kesedaran yang baik terhadap diri sendiri, berhemah dan mempunyai kemahiran-kemahiran serta pengetahuan yang diperlukan bagi menghadapi cabaran masa hadapan. Pelajar bertanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat dan negaranya; mempunyai minda dan tubuh yang sihat; menghargai persekitaran dan mempunyai azam yang kuat untuk menghadapi kehidupan. Dengan kata lain, pelajar merupakan seorang:

- **yang berkeyakinan** dan berupaya membezakan yang baik atau sebaliknya, boleh menyesuaikan diri dengan perubahan, gigih, mengenali dirinya, membuat pertimbangan dengan bijak, berfikir sendiri dan secara kritis dan berkomunikasi dengan efektif
- **mempunyai arah sendiri** dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri, bertanya, melakukan refleksi dan tabah untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran
- **penyumbang yang aktif** yang boleh bekerja dalam kumpulan, menggunakan inisiatif, mengambil risiko, inovatif dan bekerja keras untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik
- **warganegara yang prihatin**, cintakan tanah airnya, mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, tahu dan memainkan peranan aktif dalam memperbaiki kehidupan orang-orang di sekelilingnya.

Untuk memenuhi hasrat Hasil Pendidikan yang Diingini, setiap pelajar haruslah mencapai perkara-perkara yang berikut pada akhir pendidikan di sekolah menengah:

- mempunyai integriti moral;
- yakin akan kebolehan mereka dan berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan;
- boleh bekerja dalam kumpulan dan menunjukkan rasa ihsan terhadap orang lain;
- kreatif dan mempunyai sikap ingin tahu;
- boleh menghargai pandangan yang berbeza dan berkomunikasi dengan efektif;
- bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri;
- meminati aktiviti fizikal dan menghargai seni; dan
- yakin terhadap Singapura dan memahami perkara yang penting untuk Singapura.

4. MATLAMAT DAN OBJEKTIF

4.1 Matlamat

Pembelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat menengah bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar meneroka dan memahami unsur-unsur kesusasteraan, nilai-nilai murni serta kesedaran sosial agar mereka dapat menghayati dan menghargai bahasa, kesusasteraan dan nilai masyarakat Melayu dan jagat. Melalui bahan sastra dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, para pelajar akan dididik untuk berfikir secara analitis, kritis dan kreatif. Selanjutnya diharap mereka akan mampu meningkatkan keupayaan berbahasa dan membina kepekaan estetika apabila membaca dan mengkaji hasil sastra Melayu.

4.2 Objektif

Pada akhir pembelajaran, pelajar dapat:

- memahami dan menghayati unsur-unsur dan nilai-nilai murni dari segi moral, kemanusiaan sejagat, keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kenegaraan untuk membina sahsiah yang seimbang;
- memahami isi dan menganalisis aspek sastra;
- meneroka unsur-unsur yang terdapat dalam pelbagai genre melalui kajian terhadap hasil sastra dan memahami bagaimana unsur-unsur ini berfungsi bagi mencapai maksud yang hendak disampaikan;
- membuat interpretasi dan memberikan respons yang sesuai tentang teks sastra secara tersusun dan meyakinkan;
- menghargai dan menghayati keindahan bahasa yang terdapat dalam teks sastra; dan
- menanam budaya membaca untuk memperkembang dan mengekalkan minat terhadap karya sastra.

5. HASIL PEMBELAJARAN

Hasil pembelajaran menjadi teras pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Hasil pembelajaran dibina secara menyepadukan semua aspek sastera dan pengajaran semua genre dengan elemen-elemen yang menyokong pengajaran dan pembelajaran sastera seperti kemahiran berfikir dan nilai kemanusiaan. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk tentang perkara yang boleh dicapai oleh pelajar. Justeru, hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Selain itu, hasil pembelajaran dapat membantu dalam penilaian pencapaian pelajar. Hasil pembelajaran berikut disusun mengikut genre yang disarankan dalam sukatan pelajaran ini.

5.1 Prosa:

- 5.1.1 menghuraikan definisi, jenis, ciri dan peranan karya prosa
- 5.1.2 menghuraikan tema dan persoalan dalam karya prosa
- 5.1.3 menganalisis watak dan perwatakan dalam karya prosa
- 5.1.4 menghuraikan plot dalam karya prosa
- 5.1.5 menghuraikan latar dalam karya prosa
- 5.1.6 menganalisis gaya bahasa dalam karya prosa
- 5.1.7 menghuraikan sudut pandangan dalam karya prosa
- 5.1.8 menganalisis nilai kemanusiaan dan pengajaran dalam karya prosa.

5.2 Puisi:

- 5.2.1 menghuraikan definisi, jenis, ciri dan peranan puisi
- 5.2.2 menghuraikan maksud puisi
- 5.2.3 menghuraikan tema dan persoalan dalam puisi
- 5.2.4 menganalisis bentuk puisi
- 5.2.5 menganalisis gaya bahasa dalam puisi
- 5.2.6 menghuraikan nada dalam puisi
- 5.2.7 menghuraikan nilai kemanusiaan dan pengajaran dalam puisi.

5.3 Drama:

- 5.3.1 menghuraikan definisi, jenis, ciri dan peranan drama
- 5.3.2 menjelaskan persoalan dalam drama
- 5.3.3 menganalisis plot dalam drama
- 5.3.4 menganalisis watak dan perwatakan dalam drama
- 5.3.5 menghuraikan latar dalam drama
- 5.3.6 menghuraikan plot dalam drama
- 5.3.7 menganalisis gaya bahasa dalam drama
- 5.3.8 menganalisis nilai kemanusiaan dan pengajaran dalam drama.

6. PERINCIAN KANDUNGAN

6.1 Genre Teks Yang Disarankan

Bagi subjek Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu, para pelajar akan mempelajari ketiga-tiga genre utama, iaitu prosa, puisi dan drama. Hal ini penting kerana pendedahan ini akan memberikan peluang kepada pelajar memahami unsur-unsur sastera yang dipaparkan seperti tema, perkembangan plot dan perwatakan secara holistik. Yang berikut ialah perincian genre yang disarankan.

Genre	Penerangan
Prosa Tradisional dan Moden	<u>Prosa Tradisional:</u> Prosa tradisional yang disarankan mengetengahkan pelbagai teks yang berunsurkan humor, epik, sejarah, mitos dan legenda. Teks-teks ini menampilkan nilai-nilai jagat seperti kejujuran, taat setia, sedia berkorban demi kebenaran dan perlunya melakukan perancangan dalam kehidupan. <u>Novel:</u> Novel yang disarankan merupakan novel yang berlatarbelakangkan suasana yang dekat dengan pelajar. Diharapkan novel ini berupaya memberikan pendedahan kepada pelajar terhadap isu-isu yang dilalui oleh para remaja dan cara-cara mereka menangani isu-isu tersebut. <u>Cerpen:</u> Tema-tema yang diketengahkan melalui cerpen yang dipilih ini berkisar tentang hal-hal kehidupan seharian yang melibatkan anggota masyarakat seperti peranan dan tanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat, sikap tidak mementingkan diri, menghormati dan menghargai hak sesama insan dan juga pelestarian budaya Melayu. Cerpen-cerpen yang disarankan ialah hasil karya penulis-penulis tanah air. Melalui cerpen-cerpen ini, pelajar diperkenalkan kepada para penulis ini yang telah menyumbang kepada sastera tempatan. Pendedahan

	kepada hasil karya beberapa penulis juga memberikan peluang kepada pelajar meneliti stail penulisan yang berbeza-beza yang digunakan oleh penulis dalam menghasilkan karya mereka. Selain itu, konteks dan kandungan cerpen-cerpen ini merupakan sesuatu yang lebih dekat dengan diri pelajar dan dengan ini diharap para pelajar berupaya mengaitkannya dengan pengalaman harian mereka.
Puisi Moden	Sajak-sajak yang dipilih juga dihasilkan oleh penulis-penulis mapan tanah air. Sajak-sajak ini menyentuh pelbagai isu yang merangkumi jati diri, perjuangan, integrasi dan kesedaran serta tanggungjawab. Sajak-sajak ini sesuai dengan tahap pelajar dan kepelbagaian tema yang diketengahkan diharap akan merangsang para pelajar memikirkan isu-isu yang disentuh secara mendalam.
Drama	Drama yang disarankan terdiri daripada drama radio, televisyen dan juga teater. Teks drama ini menggambarkan emosi manusia dalam menghadapi cabaran hidup harian, cara mengatasi cabaran tersebut dan hubungan sesama insan. Di samping itu, pelajar akan berpeluang meneliti pelbagai teknik penulisan drama seperti konflik dan penceritaan yang digunakan dalam drama ini secara berkesan.


Dari segi kandungan teks secara keseluruhannya, sebanyak 13% kandungan teks dikurangkan. Pengurangan ini memberi guru lebih banyak masa untuk mengajarkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan agar para pelajar lebih berupaya untuk menganalisis sesebuah karya sastera secara kritis. Guru juga berpeluang menjalankan lebih banyak aktiviti yang menggalakkan penglibatan aktif para pelajar seperti melalui perbincangan dan kerja-kerja projek.

6.2 Unsur Sastra

Unsur-unsur sastra yang terdapat dalam bahan prosa dan puisi penting dipelajari dan diketahui oleh setiap pelajar. Pengetahuan tentang aspek ini dapat membantu pelajar memahami dan menganalisis sesebuah karya sastra secara kritis. Rujuk Lampiran A untuk penerangan lanjut.

6.3 Kajian Teks

Kajian teks meliputi bidang prosa dan puisi. Pelajar boleh diajak mengapresiasi karya sastra melalui kajian terhadap teks sastra yang dibaca. Kajian boleh dilihat pada aspek tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, bentuk, nada, sudut pandangan, nilai kemanusiaan dan pengajaran. Penerangan tentang kajian teks secara lanjut diberikan dalam Lampiran B.



7. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7.1 Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran Sastera yang berdasarkan prinsip berikut dapat menggambarkan matlamat sukatan pelajaran.

7.1.1 Analisis Secara Kritis

Suasana bilik darjah bagi pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan perlulah dapat menggalakkan dan menyokong pelibatan pelajar dalam menganalisis teks secara kritis. Pelajar harus digalakkan membaca, melakukan refleksi, berbincang dan memberikan respons terhadap karya sastera dengan menghayati karya tersebut dan memberikan respons peribadi. Mereka perlu juga mengajukan soalan dan membuat andaian tentang perkara yang dibaca dan menyokong sudut pandangan mereka dengan merujuk kepada bukti-bukti yang terdapat dalam teks.

Peluang yang mencukupi perlu diberikan kepada pelajar untuk menyatakan pandangan dan pendapat dari perspektif yang berbeza. Pelajar juga dibenarkan bekerja secara sendiri atau secara berkumpulan.

Dengan ini, mereka akan belajar cara membentuk dan menghalusi respons peribadi mereka terhadap teks dan bagaimana mempertahankan sudut pandangan, dan menerima serta memberikan respons melalui muafakat terhadap pandangan orang lain.

7.1.2 Penggunaan Bahan

Dalam pengajaran kesusasteraan, pelbagai bahan media boleh digunakan seperti audio, bahan-bahan visual, IT, filem dan juga Internet. Para guru boleh menggunakan bahan-bahan ini agar pengajaran di dalam kelas akan lebih menarik dan bermakna.

7.1.3 Respons Terhadap Sastera

- 7.1.3.1 Penyertaan pelajar dalam melahirkan respons terhadap teks harus digalakkan dan dikembangkan.
- 7.1.3.2 Pelajar terlibat secara aktif dan setiap pelajar dikehendaki memberikan respons terhadap teks yang dipelajarinya.
- 7.1.3.3 Pelajar diberi masa yang cukup untuk membaca, menghayati, berbincang, meneroka dan memberikan respons terhadap teks.

- 7.1.3.4 Pelajar harus diberi peluang untuk berinteraksi melalui perbincangan dan perundingan.
- 7.1.3.5 Pelajar diberi peluang dan sokongan bagi membolehkan mereka berkongsi sudut pandangan dan menyokong sudut pandangan ini dengan bukti-bukti tekstual dan bukan tekstual.
- 7.1.3.6 Pelajar diberi peluang untuk melahirkan respons mereka dalam pelbagai bentuk pengucapan (ekspresi) melalui drama, muzik, dikir barat, sajak, penulisan kreatif dan seni lukis.

7.1.4 Peningkatan Kemahiran untuk Apresiasi Bahan Sastra

- 7.1.4.1 Kemahiran menilai bahan sastra dengan kritis dan analitis mesti dipupuk pada setiap peringkat.
- 7.1.4.2 Pengajaran seharusnya membantu pelajar memperoleh pemahaman terhadap bentuk dan unsur-unsur sastra sesuai dengan kebolehan pelajar.
- 7.1.4.3 Istilah-istilah dan konsep yang digunakan dalam apresiasi bahan sastra secara kritis mestilah diajarkan sebagai wadah bagi memperdalam pengalaman pelajar dalam bahan sastra.

7.1.5. Pendedahan kepada Bahan Sastra

- 7.1.5.1 Pelajar harus diberi pendedahan kepada seberapa banyak teks. Ini termasuklah pendedahan kepada:
 - pelbagai genre sastra, seperti drama, puisi dan prosa;
 - pelbagai aspek keprihatinan manusia dalam kehidupan; dan
 - pelbagai bahan sastra dunia selain Singapura dan sastra Melayu Nusantara.
- 7.1.5.2 Pelajar harus diberi peluang mendengar dan menonton persembahan atau lakonan tentang teks yang dipelajari.

7.1.6. Pengetahuan dan Kemahiran Guru

- 7.1.6.1 Guru harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai teks, sejarah dan perkembangan sastra Melayu secara keseluruhan.

7.1.6.2 Guru harus mengetahui kaedah-kaedah pengajaran sastera, seperti analisis struktur, dan menggabungkan kaedah-kaedah ini.


7.1.6.3 Guru digalakkan meneroka pendekatan dan kaedah baharu yang sesuai dengan latar dan minat pelajar. Hal ini sejajar dengan prinsip pengajaran dan pembelajaran yang menegaskan pelibatan pelajar (PETALS).

7.2 Domain Kemahiran

Pelajar perlu dilengkapi dengan spektrum kemahiran berfikir agar mereka dapat membaca dan memberikan respons terhadap pelbagai aspek pembelajaran. Contohnya, kemahiran membuat perbandingan boleh diaplikasikan apabila membandingkan perwatakan, situasi, kesan kepada gaya dan sudut pandangan penulis.

Kemahiran-kemahiran utama disenaraikan di halaman 15. Kesemua kemahiran ini patut diperkenalkan dan diperkukuh pada setiap tahap. Namun, tahap penguasaan kemahiran tersebut berbeza-beza bergantung pada keupayaan pelajar.

Kemahiran-kemahiran ini bertindan antara satu sama lain dan saling berkait, maka mengajarkan kemahiran ini secara berasingan tidak digalakkan.



TAKSONOMI

KEMAHIRAN MENCIPTA

- Menggabungkan
- Merancang
- Mengubah/mereka
- Merealisasikan

KEMAHIRAN MENILAI

- Menentukan kedudukan/peringkat
- Mengukur
- Menyimpulkan
- Bertindak

KEMAHIRAN MENGANALISIS

- Menyusun
- Menjelaskan
- Membezakan/membandingkan
- Mencapai

KEMAHIRAN MENGAPLIKASI

- Mengklasifikasikan
- Mengeksperimen
- Mengira
- Membina

KEMAHIRAN MEMAHAMI

- Meringkaskan
- Menterjemah
- Meramal
- Melaksanakan

KEMAHIRAN MENGINGAT

- Menyenaraikan
- Menerangkan
- Menjadualkan
- Menggunakan sesuatu dengan betul

(Sumber: Bloom, 2005)

7.3 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam pengajaran sastera, guru perlu menggunakan pelbagai strategi untuk membolehkan pelajar berasa seronok dan dapat menghayati teks. Guru perlu mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran sesuai dengan aktiviti dan genre teks yang dipelajari.

Antara pendekatan yang digunakan termasuklah pendekatan struktural, pendekatan mengalami-menghayati dan pendekatan berfokus. Guru harus dapat menentukan pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Yang berikut ialah penerangan tentang beberapa pendekatan, kaedah dan teknik yang boleh digunakan.

7.3.1 Pendekatan

Antara pendekatan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu yang disarankan adalah seperti yang berikut:

a) Pendekatan Berpusatkan Pelajar

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam Kesusasteraan Melayu mesti berpusatkan pelajar bagi membolehkan pelajar menguasai aspek sastera melalui pembacaan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti. Pengajaran ini menggalakkan interaksi dua hala, mendorong penglibatan pelajar secara aktif dan menyeluruh serta mementingkan pembelajaran akses sendiri. Guru berperanan sebagai pembimbing untuk melahirkan pelajar yang bermotivasi tinggi dan berdaya saing.

b) Pendekatan Mengalami-Menghayati

Pendekatan mengalami-menghayati ialah pendekatan pengajaran yang memerlukan penghayatan pelajar sendiri melalui pengalaman, perenungan dan penganalisan. Pendekatan ini menekankan kajian teks berdasarkan penghayatan pelajar tentang teks sastera yang dibaca dan kemudian cuba dikaitkan dengan pengalaman dan pandangan diri sendiri. Kaedah ini boleh digunakan bersama dengan pendekatan analisis struktural apabila pelajar telah memahami isi cereka atau maksud puisi.

Dalam konteks latihan pula, tugas yang diberikan kepada pelajar selalunya tertumpu kepada penghayatan pelajar terhadap sesuatu peristiwa, episod dan watak. Oleh itu, pendekatan ini boleh menggalakkan pelajar berfikir secara kritis, kreatif dan reflektif.

Beberapa ciri Pendekatan Mengalami-Menghayati adalah seperti berikut:

- pelajar mengaitkan pengalamannya dengan isi karya yang dikaji;
- pelajar terlebih dahulu memahami isi cerita atau maksud puisi;
- pelajar mengkaji secara terperinci aspek-aspek struktur sesebuah karya secara individu atau berkumpulan setelah pelajar memahami isi karya;
- pelajar memberikan pendapat dan menilai aspek-aspek struktur yang tertentu dalam sesebuah karya sastera;
- guru memberikan latihan yang menekankan analisis pengalaman pelajar sendiri; dan
- guru mengemukakan soalan yang mencabar daya intelek pelajar dan aktiviti yang dirancang harus dapat melatih pelajar berfikir secara kritis dan analitis.

c) Pendekatan Struktural

Pendekatan ini menegaskan pencerakinan karya sastera dari sudut pembinaan atau struktur karya. Aspek yang dikaji meliputi tema, persoalan, perutusan, pengajaran, plot, watak dan perwatakan, latar, gaya bahasa dan sudut pandangan. Guru perlu membantu pelajar memahami gagasan-gagasan yang dinyatakan sebelum kajian teks dilakukan di bilik darjah. Kesimpulannya, pendekatan struktural ialah pendekatan yang menekankan analisis karya sastera dari sudut pembinaan atau struktur karya.

Beberapa ciri Pendekatan Struktural adalah seperti yang berikut:

- kajian dibuat secara induktif;
- pembacaan yang rapi diperlukan;
- pemahaman pelajar terhadap setiap elemen sesebuah karya sastera diberikan penekanan; setiap unsur memerlukan penjelasan secara terperinci;
- pemahaman istilah sastera, makna istilah berkenaan dan contoh penggunaan istilah berkenaan dititikberatkan ;
- guru mengetahui terlebih dahulu hubungan dalam struktur karya yang dikaji;
- guru membimbing pelajar ke arah hasil pembelajaran khusus; dan
- guru menggunakan bahan bantu mengajar dengan berkesan.

d) Pendekatan Berfokus

Pendekatan berfokus merupakan pendekatan kajian yang memberikan tumpuan pada sesuatu aspek sastera semasa pelajar mencerakin teks sastera. Namun begitu, selalunya ada juga unsur-unsur sampingan lain

yang menjadi fokus kajian. Kajian yang dilakukan berdasarkan pendekatan ini boleh menghasilkan pencerakinan yang kemas kerana adanya pemilihan fokus pada aspek yang dibincangkan. Pembacaan yang dilakukan oleh pelajar juga akan menjadi lebih bermakna kerana mereka boleh meneliti hal-hal yang tersirat dan tidak terhad kepada perkara-perkara yang tersurat sahaja. Dengan ini, jelaslah bahawa pendekatan berfokus ialah pendekatan pengajaran yang menekankan sesuatu aspek yang tertentu dalam sesebuah karya sastra bagi setiap pengajaran dan pembelajaran di samping menyentuh aspek-aspek lain secara sampingan.

Beberapa ciri Pendekatan Berfokus adalah seperti yang berikut:

- kajian bermula dan berdasarkan aspek yang paling menonjol dalam sesebuah karya sastra;
- aspek yang paling menonjol menjadi Fokus Utama;
- perkara atau aspek lain yang kurang menonjol menjadi Fokus Sampingan; dan
- Fokus Utama (FU) dan Fokus Sampingan (FS) saling berkaitan dan boleh bertukar ganti. Misalnya, dalam satu pelajaran, watak menjadi FU dan bahasa FS. Pada pelajaran lainnya bahasa menjadi FU dan watak FS.

e) Pendekatan Elektik

Pendekatan eklektik ini menggabungkan elemen-elemen daripada pendekatan induktif atau deduktif. Pendekatan induktif dan deduktif digunakan apabila terdapat pelajar-pelajar daripada pelbagai aras dan kebolehan. Ada pelajar yang senang atau mudah memahami isi pelajaran jika diberi contoh dahulu. Ada juga pelajar yang mudah faham jika dibuat generalisasi terlebih dahulu dan diakhiri dengan mengemukakan contoh-contoh bagi menjelaskan maksud atau konsep sesuatu perkara.

Jika guru memilih pendekatan deduktif, langkah-langkah pengajaran berikut boleh digunakan:

1. guru menerangkan generalisasi/hukum-hukum atau peraturan;
2. guru menggunakan contoh untuk menerangkan generalisasi tersebut; dan
3. guru mengaitkan contoh dan menjelaskan generalisasi tersebut.

Jika guru ingin menggunakan pendekatan induktif, langkah-langkah pengajaran berikut boleh digunakan:

1. guru menggunakan banyak contoh bagi menjelaskan sesuatu konsep dengan lebih jelas;

2. berdasarkan contoh-contoh tersebut guru dan pelajar akan bersama-sama membentuk generalisasi; dan
3. sebagai pengukuhan, guru akan mengemukakan contoh dan mendorong pelajar mengaplikasikan segala pengetahuan dan kemahiran.

7.3.2 Kaedah

Kaedah ialah satu perancangan bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara teratur, kemas dan sistematik. Antara kaedah pengajaran Kesusasteraan Melayu termasuklah Kaedah Membaca Teks dan Pemahaman, Kaedah membaca dan Melakonan Adegan, Kaedah Mendengar Pita Rakaman, Kaedah Menonton Lakonan Pentas, Kaedah Seminar, Kaedah Menggunakan Kemahiran Berfikir, Kaedah Forum dan Kaedah Global. Penerangan lanjut tentang kaedah terdapat di Lampiran C.

7.3.3 Teknik

Untuk memastikan bahawa matlamat pengajaran tercapai, guru boleh menggunakan pelbagai teknik untuk memenuhi hasil pengajaran yang dikehendaki. Antaranya ialah Teknik Penerangan, Teknik Keperihalhan, Teknik Perbandingan, Teknik Cerakinan, Teknik Latihan, Teknik Percambahan Fikiran, Teknik Teater Pembaca dan Pencerita, Teater, Teknik Pemandu Seni, Teknik Kerusi Panas, Teknik Tangga Cerita, Teknik Cerpendra, Teknik Main Peranan, Teknik Inkuiri, Teknik Simulasi, Teknik Perbincangan, Teknik Drama, dan Pembelajaran Koperatif. Guru harus memastikan bahawa teknik yang digunakan sewaktu mengajarkan sastera berupaya menarik minat pelajar, mengekalkan perhatian pelajar terhadap pengajaran sastera dan membangkitkan perasaan ingin tahu pelajar terhadap teks sastera yang dipelajari. Namun, teknik pengajaran yang digunakan oleh guru haruslah sesuai dan sejajar dengan matlamat pengajaran yang ingin dicapai, profil pelajar, peringkat umur pelajar, kebolehan dan kesediaan pelajar. Rujuk Lampiran D untuk penerangan lanjut.

Selain pendekatan, kaedah dan teknik yang disenaraikan, kepelbagaian sumber dalam proses pengajaran dan pembelajaran boleh membantu pelajar menguasai aspek sastera. Contoh sumber tersebut seperti:

- pusat sumber;
- Internet;
- akhbar;
- majalah;
- filem;
- glosari; dan
- sumber hidup.

Guru juga haruslah menggalakkan pelajar membaca pelbagai hasil karya sastra secara meluas selain teks wajib. Pembacaan luas juga melibatkan pembacaan bahan bukan sastra yang meliputi pelbagai disiplin ilmu. Pembacaan luas dapat mempertingkatkan penguasaan ilmu sastra, membentuk sahsiah pelajar di samping memupuk budaya membaca dan menggalakkan pelajar berkarya.

7.3.4 Pengajaran dan Pembelajaran yang Menegaskan Pelibatan Pelajar

Sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan; Kurangkan Mengajar, Lebihkan Belajar (*Teach Less, Learn More* atau *TLLM*), guru digalakkan agar menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang dapat melibatkan pelajar secara aktif. TLLM bertujuan untuk merangsang minda pelajar dan mempersiapkan mereka agar lebih bersedia untuk mengharungi masa depan yang penuh dengan cabaran. TLLM memberikan tumpuan pada mutu pendidikan khususnya aspek interaksi dalam kelas, peluang untuk memberikan idea dan pandangan, pemerolehan kemahiran yang diperlukan, pembentukan peribadi melalui pendekatan dan strategi yang kreatif dan berkesan. Sehubungan dengan ini, pengurangan kandungan subjek Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu diharap dapat memberikan lebih banyak masa kepada guru mengajarkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh para pelajar untuk mempelajari dan menganalisis karya sastra.

Untuk melibatkan pelajar secara aktif, pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan haruslah memberikan perhatian kepada pengelolaan kelas dan prinsip-prinsip yang menegaskan penglibatan pelajar secara aktif (*PETALSTM*) yang merangkumi dimensi berikut:

a. Penggunaan Pedagogi

Guru menggunakan strategi yang berbagai-bagai dan sesuai mengikut peringkat keupayaan dan kecerdasan pelajar yang pelbagai serta memahami gaya belajar mereka. Guru harus melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran pedagogi dan bersikap aktif, progresif dan dinamik dan berupaya menggunakannya dalam pengajaran dengan berkesan untuk meningkatkan penglibatan dan pemahaman sedia ada pelajar. Di samping itu, guru haruslah berupaya untuk menguruskan perbincangan kelas dan menggunakan soalan-soalan yang boleh menggalakkan pelajar memberikan respons. Dalam hal ini, guru perlu merancang pelajaran dengan teliti dan menentukan objektif pelajaran, strategi yang digunakan dan alat serta jenis penilaian untuk memastikan objektif dan hasil pembelajaran sesuatu pelajaran tercapai.

b. Keadaan Persekitaran

Guru menyediakan satu struktur dan suasana belajar yang tidak mengancam, memberangsangkan lagi produktif. Dengan mewujudkan struktur dan suasana sedemikian, pelajar akan menjadi lebih bermotivasi dan dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Untuk mewujudkan keadaan persekitaran

seperti ini, guru perlulah bersikap terbuka, menerima dan memahami keperluan dan profil pelajar. Hubungan dan interaksi positif antara guru dengan pelajar perlulah dibina agar pelajar terangsang untuk menyuarakan pandangan mereka dengan selesa.

c. Kandungan Pelajaran


Kandungan pelajaran haruslah relevan dan autentik. Kandungan seperti ini memerlukan pelajar menyelesaikan masalah yang realistik dalam konteks kehidupan sebenar. Melalui pembelajaran yang relevan dan berkontekstual, pelajar akan lebih terangsang untuk menggunakan bahasa bagi mendalami perkara yang dipelajarinya.

d. Penilaian untuk Pembelajaran

Penilaian untuk pembelajaran bertujuan untuk mempertingkatkan pembelajaran pelajar contohnya: memantau kemajuan pelajar, mengenal pasti keperluan pelajar atau membina rancangan pengajaran yang sesuai. Penilaian untuk pembelajaran merupakan proses yang interaktif dan berterusan. Guru berperanan untuk memberikan laporan balik yang berkualiti dan konstruktif kepada pelajar dalam proses pembelajaran. Penilaian yang dilakukan haruslah selaras dengan kemahiran yang telah diajarkan dan kaedah serta teknik pengajaran yang digunakan oleh guru. Dalam hal ini, kedua-dua guru dan pelajar akan terlibat dalam proses membuat refleksi, dialog dan juga perbincangan untuk sama-sama mengenal pasti tindakan susulan yang diperlukan. Dengan itu, pelajar terlibat secara langsung dalam mempertingkatkan kelakonan mereka dalam pembelajaran.

e. Pengalaman Pembelajaran

Pengalaman belajar pelajar harus dapat mencabar pemikiran, meningkatkan keupayaan mereka untuk mencerna maklumat dan idea serta mengembangkan sifat mandiri dalam diri mereka. Guru harus dapat mengembangkan pemikiran dan memaksimumkan pengalaman dan potensi pelajar ke tahap yang lebih tinggi.



Kesemua prinsip yang dinyatakan di atas dapat digambarkan dalam gambar rajah yang berikut:



Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran yang Menegaskan Pelibatan Pelajar

7.3.5 Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran

Perancangan aktiviti pengajaran yang teliti dan disokong dengan penggunaan bahan bantu pengajaran yang sesuai dan berkesan akan dapat merangsang pelajar memahami, menghayati dan mencerakin karya sastra secara analitis dan kritis. Kemahiran ini perlu agar pelajar berupaya memberikan respons bukan sahaja terhadap teks sastra yang dipelajari di bilik darjah malah teks sastra yang terdapat dalam bahan cetak dan bukan cetak.

Perancangan aktiviti perlu mengambil kira ciri-ciri berikut:

- pelajar terlibat secara aktif;
- pelajar diberi peluang dan masa yang cukup untuk memberikan respons (mentafsir dan memberikan pandangan) tentang teks;
- pelajar berpeluang melahirkan sudut pandangan mereka; dan
- pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran mengapresiasi sastra agar dapat membuat kajian teks dengan sebaik-baiknya.

Beberapa aktiviti saranan diberikan dalam Lampiran E.

7.3.6 Masa Pengajaran

Masa pengajaran bagi sesuatu pelajaran perlu ditetapkan agar guru dapat memaksimumkan pembelajaran dalam jangka waktu yang ditentukan. Sehubungan dengan hal tersebut, perancangan pengajaran atau skema kerja bagi satu semester atau satu tahun dapat disediakan dengan sebaik-baiknya. Jadual yang berikut ialah masa kurikulum bagi pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan di peringkat Menengah 3 dan 4 selama seminggu. Masa kurikulum ini menjadi garis panduan kepada guru. Namun, pihak sekolah boleh mengubah suai peruntukan masa kurikulum berdasarkan keperluan pelajar.

Program	Masa dalam Seminggu
Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu (Penuh)	4 waktu*
Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu (Elektif)	3 waktu

*1 waktu kurikulum: 35 minit (anggaran)

8. PENILAIAN

Penilaian merupakan salah satu aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti penilaian yang berterusan membolehkan guru mendapatkan dan mengumpulkan maklumat tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di bilik darjah. Penilaian dapat membantu pelajar mempertingkatkan kelakonan dalam pelajaran. Selain itu, penilaian juga dapat memberikan maklum balas yang berkualiti tentang kemajuan pelajar. Dengan yang demikian, keupayaan dan keperluan pelajar dalam pembelajaran dapat dikenal pasti dan tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan segera. Selanjutnya, guru dapat merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan bagi memenuhi keperluan pelajar.

Sesuatu penilaian yang dijalankan harus mencerminkan matlamat Sukatan Pelajaran Kesusasteraan yang ditetapkan. Pada akhir pendidikan Menengah 4, penilaian yang digunakan harus berupaya memberikan gambaran sebenar tentang kebolehan pelajar menunjukkan keterampilan dan keupayaan menilai dan menganalisis serta menghargai karya sastra. Penilaian harus juga dapat mencerminkan kebolehan pelajar menyampaikan pandangan tentang karya sastra dan melahirkan perasaan terhadap karya sastra yang dibaca atau dipelajari selain dapat berfikir secara kritis dan kreatif.

8.1 Maksud Penilaian

Penilaian merujuk kepada semua aktiviti yang dijalankan oleh guru dan pelajar untuk memberikan maklumat atau maklum balas dalam menilai kelakonan mereka. Maklumat tersebut digunakan untuk mengubah suai kegiatan pengajaran dan pembelajaran. Penilaian dapat mentafsirkan maklumat yang diperoleh bagi menjawab persoalan penting seperti sejauh mana pelajar telah mempelajari sesuatu yang telah diajarkan. Selain itu, penilaian berfungsi sebagai satu wadah untuk memberikan maklumat kepada pelajar tentang kelakonan mereka untuk membantu mereka meningkatkan pencapaian dalam pelajaran.

8.2 Penilaian Pembelajaran dan Penilaian Untuk Pembelajaran

Penilaian Pembelajaran (AoL) merujuk kepada penilaian yang dijalankan untuk mengukur sejauh mana hasil pembelajaran dalam kurikulum sudah tercapai. AoL digunakan untuk tujuan tertentu seperti, menentukan gred, kedudukan pelajar dan pensijilan. Oleh itu, AoL berbentuk sumatif dan selalunya dijalankan pada akhir satu unit, akhir semester atau tahun. Penilaian untuk Pembelajaran (AFL) pula merujuk kepada penilaian yang menyokong pembelajaran. Penilaian ini digunakan untuk memastikan pelajar dapat menguasai matlamat pembelajaran. Oleh itu, penilaian ini berbentuk

formatif, dilaksanakan di dalam bilik darjah dan proses ini diterapkan dalam pengajaran secara berterusan. Sukatan pelajaran ini menyokong pelaksanaan Penilaian Pembelajaran dan Penilaian untuk Pembelajaran. Untuk memastikan sesuatu penilaian itu lebih bermakna, keseimbangan dalam pelaksanaan kedua-dua jenis penilaian ini perlulah dicapai.

8.3 Penilaian untuk Pembelajaran

Penilaian untuk pembelajaran dilakukan untuk membantu pelajar dan guru mengetahui:

- tahap pembelajaran pelajar;
- arah tuju pelajar; dan
- cara pelajar dapat mencapai arah yang disasarkan.

Dalam pengajaran yang melibatkan penilaian yang menyokong pembelajaran, guru perlu mengambil kira pedagogi dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Antara perkara yang perlu dilakukan guru adalah mengintegrasikan penilaian dengan pengajaran seperti yang berikut:

- menjelaskan dan berkongsi matlamat-matlamat pembelajaran dan jangkaan dengan pelajar;
- mewujudkan perbincangan, soalan-soalan, aktiviti dan tugas yang berkesan di dalam bilik darjah;
- memberikan maklum balas agar pelajar dapat mengenal pasti cara mencapai matlamat yang diinginkan;
- menggalakkan pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka; dan
- merangsang pelajar-pelajar belajar daripada satu sama lain.

Dalam penilaian untuk pembelajaran, maklum balas berterusan tentang kelakonan pelajar merupakan satu perkara yang penting. Maklum balas ini berdasarkan pemerhatian yang dilakukan dalam bilik darjah tentang cara pelajar belajar dan perkara yang dipelajarinya. Maklum balas ini dapat membantu pelajar mengetahui sejauh mana tahap pemahaman mereka tentang pembelajaran mereka dan mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi. Dengan maklum balas tersebut, guru dapat memberikan cadangan kepada pelajar tentang langkah-langkah susulan yang perlu diambil. Hal ini akan dapat mewujudkan suasana bilik darjah yang positif untuk pembelajaran.

8.4 Kitaran Penilaian dan Maklum Balas dengan Pembelajaran

Kitaran Penilaian dan Maklum Balas dengan Pembelajaran yang berikut menunjukkan proses-proses yang perlu dilalui oleh guru apabila mengintegrasikan penilaian dan merancang pelajaran.



Soalan-soalan berikut berkaitan dengan gambar rajah di atas dan dapat membantu guru mengintegrasikan penilaian dengan pengajaran:

- Apakah yang ingin saya ketahui tentang pembelajaran pelajar saya?
- Apakah hasil pembelajaran yang ingin saya capai?
- Bagaimanakah dapat saya merancang perbincangan, soalan, aktiviti dan tugas yang berkesan agar dapat menyokong pembelajaran pelajar saya?
- Bagaimanakah boleh saya merancang pelajaran yang membolehkan pelajar belajar secara berperingkat?
- Apakah bukti yang perlu saya kumpulkan untuk menunjukkan bahawa pelajar saya telah mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan?
- Apakah jenis penilaian yang dapat membantu saya mendapatkan bukti tersebut?
- Bagaimanakah dapat saya membantu pelajar maju dalam pembelajaran dan meningkatkan kebolehan saya mengajar?
- Apakah penilaian yang boleh meningkatkan pembelajaran pelajar saya?

8.5 Kaedah dan Strategi Penilaian

Guru perlu menggunakan kaedah yang pelbagai untuk mengumpulkan maklumat. Maklumat yang dikumpulkan boleh membantu guru mengetahui sejauh mana pencapaian pelajar mereka. Dengan menggunakan pelbagai kaedah, guru dapat mengumpulkan data yang diperlukan bagi mengukur pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Guru boleh menjalankan penilaian melalui:

a) Penilaian Secara Lisan

Penilaian secara lisan perlulah dilakukan secara teratur dan dirancang dengan teliti. Cara ini efektif untuk menilai perkembangan pembelajaran pelajar sekiranya dijalankan dengan tersusun dan menggunakan kriteria penilaian yang telah disiapkan lebih awal dan diterangkan kepada pelajar. Kaedah lisan digunakan untuk mengumpulkan maklumat semasa berlakunya perkara yang berikut:

- interaksi antara pelajar dengan guru;
- interaksi antara pelajar dengan pelajar; dan
- respons pelajar dengan bahan pembelajaran.

b) Penilaian Secara Bertulis

Pelajar haruslah diberi peluang untuk memberikan respons secara bertulis menggunakan pelbagai cara yang bersifat imaginatif, kreatif, analitikal dan kritis. Tugasan yang diberikan haruslah tidak terhad kepada soalan-soalan jenis soalan-soalan peperiksaan semata-mata.

c) Penilaian Secara Pemerhatian

Cara ini digunakan untuk menilai aspek-aspek seperti berikut:

- nilai;
- tabiat;
- kemahiran sosial/interaksi/komunikasi;
- sikap pelajar; dan
- kemahiran bertutur pelajar.

Maklumat yang diperolehi daripada pemerhatian pelajar membolehkan guru menilai sikap serta penguasaan pelajar terhadap sesuatu kemahiran.

Para pelajar yang mengambil subjek ini perlu juga dinilai secara formal menggunakan teks bebas dan teks-teks wajib. Untuk menilai kebolehan pelajar menganalisis teks bebas, guru haruslah membentuk soalan yang memerlukan

pelajar memberikan gambaran terperinci dan tidak memberikan soalan-soalan jenis tertutup. Pelajar harus mempunyai keyakinan dan kebolehan untuk menganalisis kandungan, bahasa dan gaya teks yang dikemukakan.

Yang berikut merupakan beberapa cadangan bagi penilaian dalam bilik darjah yang boleh membantu guru:

- ulasan buku;
- portfolio;
- jurnal;
- penyoalan;
- soalan berstruktur;
- kerja projek secara kumpulan;
- penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya;
- penilaian berdasarkan penyampaian (perbincangan, pembentangan dan persembahan);
- persidangan; dan
- pena dan kertas.

8.6 Alat-alat Penilaian

Antara alat yang boleh digunakan dalam menjalankan penilaian termasuklah:

Senarai Semak

Senarai semak mengandungi matlamat yang ingin dicapai dalam tugas. Aspek-aspek yang ingin dicapai disenaraikan dan guru perlu menentukan sama ada aspek-aspek tersebut diperlihatkan oleh pelajar. Senarai semak boleh digunakan oleh guru untuk menilai keberkesanan pengajaran atau menilai kemajuan pelajar. Senarai semak juga boleh digunakan oleh pelajar untuk menilai rakan sebaya atau membuat penilaian sendiri.

Borang Renungan

Borang renungan memberikan peluang untuk pelajar merakamkan perasaan dan fikiran tentang pembelajaran yang dilaluinya atau tugas yang dihasilkannya. Renungan ini dapat membantu pelajar memperbaiki tugas yang akan dilaksanakan pada masa hadapan.

Rekod Anekdotai

Penilaian jenis ini merakamkan pemerhatian guru terhadap kelakonan pelajar berdasarkan kemahiran dan objektif pembelajaran yang ditetapkan oleh guru. Guru memerhatikan pelajar dalam kemahiran-kemahiran tertentu lalu merakamkannya dalam bentuk nota. Guru menilai pembelajaran pelajar serta memberikan komen yang membina agar pelajar dapat memperbaiki kelemahannya. Cara ini juga dapat merakamkan perkembangan pelajar secara berterusan.

Temu Bincang

Terdapat tiga jenis temu bincang yang boleh dilakukan oleh guru. Pertama, temu bincang dengan guru. Kedua, temu bincang ibu bapa dengan guru dan ketiga, temu bincang dengan pelajar, guru dan ibu bapa. Semasa sesi temu bincang dijalankan, guru, pelajar dan ibu bapa dapat memberikan maklum balas tentang pembelajaran, pencapaian dan perkembangan pelajar.

Rubrik

Rubrik merupakan sejenis panduan pemarkahan untuk menilai kriteria-kriteria penilaian yang lebih kompleks atau subjektif. Rubrik menerangkan secara terperinci tahap perkembangan dan pencapaian pelajar. Rubrik boleh digunakan untuk pemarkahan kumpulan dan individu. Rubrik ini boleh menggunakan skala nombor atau pun deskriptor yang menggunakan kriteria yang hendak dicapai.


Jenis-jenis rubrik termasuklah:

- Holistik – untuk mengetahui kelakonan pelajar secara umum
- Analitik – untuk mengetahui kelakonan pelajar berdasarkan kriteria yang ditentukan.

Contoh beberapa alat penilaian diberikan di Lampiran F.

Dalam sesuatu penilaian, tiada terdapat satu kaedah yang khusus. Keberkesanan sesuatu kaedah bergantung kepada tujuan penilaian. Satu kaedah akan lebih cenderung kepada penilaian sumatif jika tujuannya adalah untuk memberikan pelajar gred dan kedudukan, sementara satu lagi cenderung kepada penilaian formatif jika tujuan penilaian adalah untuk menggalakkan pembelajaran.

Oleh itu, guru perlu mengimbangkan kedua-dua penilaian ini dengan menggunakan pelbagai kaedah penilaian dengan tujuan yang tepat lagi jelas. Selain ujian dan peperiksaan, interaksi seharian antara pelajar dengan guru (contohnya: menyoal, penyampaian lisan dan melaksanakan tugas) memberikan peluang kepada guru untuk mengukur sejauh mana kelakonan pelajar. Dengan ini, guru dapat memberikan gambaran yang komprehensif tentang sejauh mana pembelajaran para pelajar dan melakukan usaha susulan bagi meningkatkan pembelajaran pelajar.



- A: Unsur-Unsur Sastera**
- B: Kajian Teks**
- C: Contoh Kaedah Pengajaran**
- D: Contoh Teknik Pengajaran**
- E: Aktiviti Saranan**
- F: Alat Penilaian**

UNSUR-UNSUR SASTERA

Unsur-unsur sastera bagi bahan prosa dan puisi merangkumi perkara-perkara berikut:

1. Tema

Tema ialah persoalan pokok yang mendasari sesebuah karya sastera. Biasanya, sesebuah karya mengandungi satu tema sahaja yang diajarkan secara eksplisit atau implisit. Tema yang dipaparkan merupakan pengalaman harian atau pengalaman istimewa yang dialami oleh penulis atau orang-orang di sekelilingnya.

2. Perutusan

Perutusan ialah mesej atau amanat yang disampaikan oleh penulis berdasarkan tema sesebuah hasil karya. Perutusan menyokong plot dan tema karya dan boleh berbentuk eksplisit atau implisit. Sesuatu perutusan itu dapat dikesan dengan menganalisis pengalaman, sikap watak dan peristiwa yang terdapat dalam karya.

3. Persoalan

Persoalan ialah isu atau perkara yang diketengahkan oleh penulis dalam sesebuah karya. Persoalan boleh merangkumi pelbagai isu yang berkaitan dengan kehidupan individu dan masyarakat, dan persekitaran bagi menyampaikan perutusan yang ingin disampaikan oleh penulis.

4. Pengajaran

Melalui sesebuah hasil karya, penulis cuba menyampaikan pengajaran yang merupakan nasihat atau unsur-unsur moral. Penulis akan menyisipkan pengajaran melalui perutusan dan juga persoalan yang diketengahkan. Pengajaran boleh dikemukakan secara langsung atau tidak langsung.

5. Bentuk Isi Sajak

Bagi puisi pula, bentuk isi atau ragam di dalam sajak merujuk kepada perkara yang hendak disampaikan oleh penyair kepada pembaca yang sekali gus memancarkan fikiran dan perasaan penyair. Di dalam penganalisaan sajak, terdapat tujuh jenis isi sajak:

- a) Oda/Pujaan
Sajak yang mengandungi isi yang memuja alam atau manusia.
- b) Keagamaan
Sajak yang bertemakan agama dan seringkali memuja kebesaran Tuhan.
- c) Elegi
Sajak yang membawa persoalan kesedihan atau ratapan dan selalunya berkaitan dengan kematian, percintaan atau peperangan.
- d) Epigram
Sajak yang memberikan pengajaran, peringatan dan panduan hidup.
- e) Satira
Sajak yang bersifat sindiran tajam terhadap sesuatu perkara, keadaan atau seseorang.
- f) Roman/Percintaan
Sajak yang bertemakan percintaan, kasih sayang terutama sesama manusia.
- g) Balada
Sajak yang mengandungi sesebuah cerita atau kisah yang dramatik tentang sesuatu peristiwa yang selalunya bernada sedih.

6. Watak dan Perwatakan

Watak ialah tokoh atau pelaku yang terdapat dalam sesebuah cerita. Watak boleh berupa manusia, binatang, unsur alam dan lain-lain. Watak diberi sifat-sifat tertentu oleh penulis termasuk sikap, perasaan dan pemikirannya serta dikenali sebagai pemikiran, ujaran dan tindakannya serta respons dan persepsi watak terhadap dirinya. Watak boleh dikategorikan kepada jenis-jenis berikut:

- a) Watak Bundar
Watak bundar atau watak tiga dimensi mempunyai sifat-sifat tertentu seperti manusia biasa yang mempunyai unsur-unsur fizikal, unsur-unsur psikologi dan unsur-unsur kemasyarakatan. Watak bundar ini lebih meyakinkan kerana mempunyai kekuatan dan kelemahan dalam dirinya. Watak ini juga mempunyai kombinasi sifat-sifat universal dan peribadi. Sifat-sifat yang terdapat dalam dirinya membezakan diri watak dengan watak yang lain.

b) Watak Pipih

Watak ini dikenali sebagai watak dua dimensi. Dalam watak ini, hanya satu sifat yang tertentu sahaja yang dipaparkan, yakni sama ada baik atau jahat. Watak ini tidak menggambarkan sikap manusia biasa.

c) Watak Dinamik

Watak yang berubah atau berkembang dari segi aksi atau psikologi akibat peristiwa-peristiwa yang dilalui.

d) Watak Statik

Watak ini tidak mengalami perubahan dari segi sikap, pemikiran, emosi dan pegangan hidup dari mula hingga akhir cerita.

Perwatakan pula ialah cara penggambaran watak dalam sesebuah karya sastera. Penulis boleh menggunakan cara-cara berikut untuk menerangkan watak:

- menerangkan watak secara langsung atau deskriptif;
- menggambarkan watak melalui sikap dan tindakannya;
- memberikan gambaran watak melalui fikiran dan perasaannya; dan
- menggambarkan watak melalui pandangan dan penilaian watak lain.

7. Latar

Latar ialah unsur yang membentuk ruang perkembangan sesebuah cerita. Unsur-unsur ini termasuklah ruang tempat, ruang masa, benda dan peralatan, masyarakat dan fenomena kehidupan. Latar boleh dibahagikan kepada beberapa jenis seperti berikut:

a) Latar Tempat

Latar yang menunjukkan tempat sesebuah cerita itu terjadi. Latar ini boleh merangkumi batas negeri, bandar, kapal, hutan, ruang angkasa dan sebagainya.

b) Latar Masa

Latar ini menunjukkan waktu sesuatu peristiwa itu berlaku misalnya selepas Zuhur atau pukul lapan dan sebagainya. Latar ini juga menunjukkan lamanya waktu alur cerita itu.

c) Latar Zaman

Latar ini memaparkan zaman cerita itu berlaku. Contohnya mungkin sesuatu kejadian berlaku semasa Peperangan Dunia Kedua atau Zaman Kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka.

d) Latar Masyarakat

Latar ini memberikan gambaran tentang keadaan atau sifat masyarakat di dalam sesebuah cerita. Ini termasuklah cara kehidupan masyarakat itu, cara mereka bekerja, berfikir dan berkomunikasi antara satu sama lain.

8. Plot

Plot ialah penceritaan peristiwa-peristiwa yang berdasarkan sebab dan akibat. Dua aspek plot yang perlu dipelajari dan difahami ialah struktur dan unsur-unsur plot.

8.1 Struktur plot terdiri daripada tiga bahagian:

a) Pengenalan

Pengenalan biasanya terdapat di permulaan sesebuah cerita. Bahagian ini akan memperkenalkan latar, tempat dan watak. Pengarang juga akan mengemukakan konflik-konflik yang dihadapi oleh watak terutamanya watak utama.

b) Pertengahan

Pertengahan cerita yang dikenal sebagai komplikasi memaparkan peristiwa dan konflik yang berkembang. Di peringkat ini, konflik menjadi semakin rumit. Apabila konflik berada di puncaknya, keadaan ini dinamakan sebagai klimaks.

Klimaks atau puncak cerita merupakan saat yang paling tegang dalam sesebuah cerita. Ketegangan ini disebabkan oleh terdapatnya konflik-konflik yang tidak boleh diuraikan sehingga keadaan menjadi rumit.

c) Peleraian/Pengakhiran

Dalam bahagian ini, pengarang akan mengemukakan berbagai-bagai huraian untuk meleraikan klimaks. Bahagian ini juga disebut sebagai antiklimaks. Namun, ada juga cerita yang tidak ada peleraian. Oleh itu, cerita tersebut diakhiri dengan kejutan atau klimaks.

8.2 Unsur-unsur Plot

Unsur-unsur plot terdiri daripada perkara-perkara berikut:

a) Kronologi atau Urutan

Sesebuah cerita dikisahkan mengikut urutan atau susunan masa, iaitu mengikut tertib dari mula hingga akhir cerita.

b) Imbas kembali

Kejadian-kejadian atau peristiwa-peristiwa diisikan dalam bahagian-bahagian tertentu cerita. Unsur ini boleh dikemukakan dalam penceritaan atau melalui ingatan watak.

c) Imbas Muka

Imbas muka ialah bayangan atau gambaran tentang sesuatu yang akan berlaku pada masa depan. Biasanya unsur ini digunakan untuk menyediakan pembaca dengan pengetahuan awal tentang perkara yang akan berlaku seterusnya.

d) Suspens/Ketegangan

Ketegangan berlaku oleh konflik yang ditimbulkan oleh watak-watak. Suspens pula merupakan keadaan ragu-ragu atau tertanya-tanya tanpa adanya keputusan yang pasti. Unsur ini sering ditimbulkan di bahagian pengenalan, bahagian pertengahan dan hampir di bahagian akhir cerita.

e) Konflik

Unsur ini menunjukkan pertentangan yang berlaku antara dua pihak atau watak. Konflik boleh bersifat luaran seperti pertentangan antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan alam. Unsur ini boleh juga berlaku secara dalaman seperti pertentangan yang berlaku dalam jiwa seseorang watak.

f) Klimaks/Puncak

Klimaks ialah puncak cerita. Pada tahap ini, konflik yang dialami oleh watak penting yang dipaparkan oleh penulis berada pada takat yang paling tegang.

g) Kebetulan

Unsur kebetulan ialah sesuatu perkara yang berlaku dalam keadaan yang tidak disangka-sangka. Unsur sebegini boleh membawa perubahan atau penentuan penting kepada nasib watak.

h) Kejutan

Unsur ini bermaksud peleraian terhadap sesuatu peristiwa, kejadian, klimaks atau konflik yang bertentangan atau di luar dugaan pembaca.

9. Sudut Pandangan

Teknik ini merujuk kepada cara pengarang mempersembahkan bahan-bahan cerita atau kedudukan pandangan pengarang dalam menggambarkan aksi sesebuah cerita.

Sudut pandangan boleh dibahagikan kepada jenis-jenis berikut:

a) Serba Tahu Lidah Pengarang

Sudut pandangan ini memperlihatkan pengarang sebagai mengetahui segala-galanya tanpa batas dari segi masa, tempat atau watak. Pengarang bergerak bebas dalam membuat ulasan. Biasanya, sudut pandangan ini cenderung ke arah pemberitaan.

b) Serba Tahu Bebas

Dalam sudut pandangan serba tahu bebas, penulis bersuara secara impersonal melalui ganti nama orang ketiga. Bagaimanapun, penulis masih bebas mengutarakan suaranya.

c) 'Aku' Sebagai Pemerhati

Sudut pandangan ini menunjukkan keobjektifan pengisahan kerana penulis memberikan tugas bercerita kepada orang lain, iaitu kepada satu watak yang kurang penting yang menggunakan ganti nama 'aku'. Suara penulis tidak lagi dilahirkan secara bebas.

Sebaliknya watak 'aku' tadi akan bercerita kepada pembaca tentang perkara yang diketahuinya dalam konteks cerita yang dirancang oleh penulis. 'Aku' mungkin dan boleh berbual dengan watak-watak lain termasuk protagonis untuk mendapatkan pandangan mereka berkenaan dengan sesuatu peristiwa. Pandangan pemerhati ini terbatas pada dirinya dan dia boleh menjangka atau meneka fikiran seseorang. Sudut pandangan ini selalunya diketengahkan secara langsung seperti yang dilihat oleh pemerhati.

d) Aku' Sebagai Protagonis

Sudut pandangan yang menggunakan teknik ini bergantung hanya pada fikiran, perasaan dan persepsi watak protagonisnya sahaja yang menggunakan ganti nama 'aku'

e) Serba Tahu Keserbaragaman Terbatas

Melalui teknik ini, suara penulis ditiadakan sama sekali kerana ceritanya bergerak secara langsung melalui fikiran watak-watak. Maka terdapat kecenderungan untuk mengemukakan babak-babak yang bersifat dalaman (fikiran) atau luaran (ucapan dan aksi).

f) Serba Tahu Terbatas

Teknik ini sama dengan sudut pandangan orang ketiga terbatas. Sudut pandangan hanya diarahkan oleh seorang watak sahaja.

10. Bahasa

Yang berikut ialah unsur-unsur bahasa dalam sesebuah cerita:

10.1 Ayat

Ayat pendek yang digunakan dalam sesebuah cerita memberikan kepadatan dari segi bahasa dan isi tentang perkara yang ingin disampaikan. Unsur bahasa ini boleh melahirkan nada yang pantas dan menarik pembaca untuk menghayati karya tersebut. Sementara ayat kompleks atau ayat yang panjang selalunya memberikan tempo yang perlahan di dalam perkembangan sesebuah cerita. Adakalanya ayat-ayat yang digunakan diulang-ulang untuk memberi penekanan terhadap sesuatu perkara yang diketengahkan.

10.2 Unsur Bahasa Perbandingan

- a) **Simile**
Simile ialah perumpamaan yang mengungkapkan kata-kata perbandingan atau persamaan dengan sesuatu. Lazimnya simile menggunakan perkataan seperti, 'bak', 'bagai', 'laksana' dan lain-lain.
- b) **Metafora**
Penggunaan kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yg lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yg berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan).
- c) **Hiperbola**
Perbandingan yang dibuat secara berlebih-lebihan atau dibesar-besarkan untuk memperoleh kesan tertentu.
- d) **Personifikasi/Perorangan**
Perbandingan yang memberikan sifat-sifat manusia kepada binatang atau objek-objek yang tidak bernyawa.

10.3 Bahasa Asing dan Daerah

Bahasa asing yang sering digunakan dalam teks yang dikaji ialah bahasa Inggeris. Selain itu, terdapat juga penggunaan bahasa Arab. Bahasa daerah merujuk kepada istilah yang khusus digunakan di suatu daerah atau negeri.

10.4 Unsur Sinis, Mengejek, Sindiran dan Sarkasme

Kata-kata yang digunakan secara langsung ataupun tidak dengan tujuan mengejek dan menyindir.

10.5 Inversi

Merujuk kepada pembalikan kata yang memperlihatkan penyimpangan tatabahasa yang lazim digunakan.

11. Irama


Merujuk kepada lembut atau kerasnya bunyi yang berulang secara teratur. Juga dikenali sebagai nada yang berkaitan dengan perasaan penulis. Contohnya, irama yang lembut dan perlahan membawa nada melankolik. Irama yang keras, pantas dan tinggi membawa nada patriotik, sinis, protes dan lain-lain.

12. Rima

Rima ialah pengulangan atau pertentangan bunyi yang sama yang terdapat dalam baris puisi yang berhampiran. Bunyi yang berima selalunya mempunyai nada tertentu mungkin tinggi atau rendah.

Terdapat dua jenis rima yang sering digunakan.

- a) Asonansi
Merujuk kepada bunyi vokal dalam baris, biasanya pada awal perkataan yang berurutan.
- b) Aliterasi
Ulangan bunyi konsonan yang biasanya berlaku pada awal perkataan yang berurutan.



KAJIAN TEKS

1. Prosa Tradisional

Pelajar dapat:

- menerangkan dan membincangkan isi atau kandungan cerita tradisional yang dibaca;
- mengecam dan menyusun urutan peristiwa demi peristiwa mengenai cerita tradisional yang dibaca;
- menghubungkan episod-episod cerita tradisional yang dibaca mengikut dasar sebab dan akibat;
- mengenal pasti gaya bahasa dan penggunaan bahasa tersurat dan tersirat;
- mengenal pasti nilai-nilai, latar, pemikiran budaya, sejarah dan cara kehidupan masyarakat lama yang mempengaruhi sastera prosa tradisional; dan
- mengenal pasti nilai kemanusiaan dan pengajaran dalam cerita tradisional.

Isi	Gaya Bahasa dalam Prosa Tradisional	Teknik Penulisan	Unsur plot
• Tema/persoalan • Plot • Perutusan dan pengajaran • Latar • Peristiwa-peristiwa yang mengandungi nilai murni • Pemikiran dan peraturan sosial budaya masyarakat Melayu lama	• Pengulangan • Perlambangan • Bahasa istana • Bahasa arkaik dan peribahasa	Struktur plot: • Bahagian pengenalan • Bahagian pertengahan • Bahagian peleraian	• Imbas muka • Imbas kembali • Ketegangan/konflik/klimaks

2. Prosa Moden (Novel dan Cerpen)

Pelajar dapat:

- membincangkan dan menghayati isi cerita prosa moden;
- menerangkan tujuan dan sudut pandangan penulis dalam prosa;
- mengenal pasti struktur dan unsur-unsur plot karya sastra moden dengan memberikan penjelasan dan contoh-contoh yang relevan;
- mengenal pasti nilai-nilai murni yang terdapat dalam cereka moden;
- memberikan respons terhadap nilai, pemikiran dan perlakuan watak dalam sekitaran latar yang dibentuk oleh penulis; dan
- menunjukkan sikap prihatin dan peka terhadap hal-hal kemanusiaan dan masalah sosial yang terdapat dalam teks.

Isi	Gaya Bahasa dalam Prosa Moden	Teknik Penulisan	Unsur Plot
• Tema/persoalan • Plot • Perutusan dan pengajaran • Latar • Peristiwa-peristiwa yang mengandungi nilai murni • Pemikiran dan kehidupan masyarakat	• Diksi • Ayat • Simile • Metafora • Personafikasi • Hiperbola • Pengulangan • Perlambangan	Struktur plot: • Bahagian pengenalan • Bahagian pertengahan • Bahagian peleraian	• Imbas muka, imbas kembali, ketegangan/konflik/klimaks • Watak dan perwatakan • Dialog, monolog dan monolog dalaman • Sudut pandangan

3. Puisi Modern

Pelajar dapat:

- mentafsirkan isi puisi;
- mengemukakan maksud;
- mengenal bentuk serta keindahan gaya bahasa puisi;
- membaca puisi dengan penghayatan;
- mengenal penyair melalui puisi mereka;
- mengenal puisi yang bermutu; dan
- menunjukkan sikap prihatin dan peka terhadap hal-hal kemanusiaan dan masalah sosial yang terdapat dalam teks.

Isi	Gaya Bahasa dalam Puisi	Teknik Penulisan
• Maksud puisi • Tema/persoalan • Perutusan dan pengajaran • Latar • Bahagian-bahagian yang mengandungi unsur dan nilai murni • Pemikiran penulis	• Diksi • Unsur bunyi: rima, aliterasi, asonansi dan rentak • Simile • Metafora • Personifikasi • Hiperbola • Pengulangan • Perlambangan • Inversi • Nada	• Jenis: pujaan, keagamaan, elegi, epigram, satira, percintaan, balada • Bentuk: suku kata, kata, baris, rangkap, visual dan skema, rima

4. Drama

Pelajar dapat:

- mengemukakan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam drama;
- mengenal pasti isi drama;
- mengenal pasti struktur dan unsur-unsur plot drama;
- mengenal pasti gaya bahasa dan teknik penulisan;
- memberikan respons terhadap nilai, pemikiran dan tindak-tanduk watak dalam sekitaran latar yang dibentuk oleh penulis;
- menghayati nilai-nilai murni yang terdapat dalam drama;
- mengenal penulis berdasarkan karya yang dihasilkan; dan
- menunjukkan sikap prihatin dan peka terhadap hal-hal kemanusiaan dan masalah sosial yang terdapat dalam teks.

Isi	Gaya Bahasa dalam Drama	Teknik Penulisan
• Isi/kandungan cerita • Tema/persoalan • Plot • Perutusan dan pengajaran • Latar • Peristiwa-peristiwa dan bahagian yang mengandungi unsur dan nilai murni	• Diksi • Dialog • Monolog	• Struktur plot: - bahagian pengenalan - bahagian pertengahan - bahagian peleraian • Unsur plot: - imbas muka, - imbas kembali, - ketegangan/konflik/klimaks • Watak dan perwatakan • Adegan • Episod

CONTOH KAEDAH PENGAJARAN

Yang berikut ialah beberapa kaedah yang boleh digunakan oleh guru dalam pengajaran.

a) Kaedah Membaca Teks dan Pemahaman

Pelajar membaca teks atau cerita sambil mereka cuba memahami sendiri isi tersurat atau tersirat. Pelajar mengenal pasti aspek-aspek teknik dalam cerita.

b) Kaedah Membaca dan Melakonan Adegan

Pelajar menghafal dialog tertentu daripada teks atau drama. Kemudian, pelajar dikehendaki melakonan adegan-adegan berdasarkan tafsiran mereka terhadap teks atau cerita yang dibaca atau dihafal oleh pelajar.

c) Kaedah Mendengar Pita Rakaman

Pelajar mendengar dialog, pembacaan dan penjelasan daripada pita rakaman yang disediakan oleh guru.

d) Kaedah Menonton Lakonan Pentas

Sebahagian daripada pelajar di dalam kelas melakonan adegan tertentu daripada teks atau cerita. Pelajar yang lain dikehendaki menjadi penonton sambil memerhatikan aspek-aspek seperti lakonan, watak dan latar untuk dibincangkan kemudian. Kaedah ini boleh dijalankan di bilik darjah atau di tempat lain yang sesuai.

e) Kaedah Seminar

Beberapa orang pelajar membentangkan pandangan mereka sendiri tentang isi cerita/teks yang dikaji. Guru menyediakan tajuk dan objektif terlebih dahulu sebelum memulakan seminar. Guru bertindak sebagai pemerhati dan campur tangan jika perlu sahaja.

f) Kaedah Menggunakan Kemahiran Berfikir

Pelajar dilatih menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman tentang sesuatu perkara, meneroka pelbagai kemungkinan idea, membuat keputusan, membuat refleksi dan menyelesaikan masalah. Guru menggalakkan penggunaan bahan rujukan. Seterusnya, guru boleh menjalankan aktiviti-aktiviti seperti membuat projek, menggunakan lembaran kerja, pembelajaran secara bekerjasama, perbincangan, sumbang saran dan teknik penyolaan.

g) Kaedah Forum

Tajuk ditentukan terlebih dahulu oleh guru. Tajuk tersebut mestilah yang berkaitan dengan isi pelajaran teks atau cerita. Beberapa orang pelajar diminta untuk menjadi ahli panel dan seorang menjadi pengerusi forum. Guru bertindak sebagai pemerhati dan campur tangan apabila perlu sahaja.

h) Kaedah Global

Kaedah global memerlukan pelajar berinteraksi melalui persembahan drama. Kaedah ini mestilah bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar terhadap sesuatu situasi yang ingin dipersembahkan. Biasanya kaedah ini dilakukan berdasarkan beberapa ciri tertentu:

- aktiviti mimik dengan tidak menggunakan kata-kata dalam menyampaikan perasaan;
- aktiviti spontan dengan apa yang ada dan dengan suara; dan
- aktiviti-aktiviti lain yang berbentuk lakonan.

Langkah-Langkah Kaedah Global

Pelajar boleh:

- membaca dan menghayati karya sastera yang diberikan;
- mencari persoalan yang menarik dalam karya sastera; dan
- melakonkan sesuatu watak yang diberikan dalam situasi informal berdasarkan gambar, skrip, topeng dan cerita.

CONTOH TEKNIK PENGAJARAN

Yang berikut ialah beberapa teknik yang boleh digunakan oleh guru dalam pengajaran.

1. Teknik Penerangan

Guru hendaklah menitikberatkan penghuraian lisan semasa menyampaikan isi pelajaran. Penerangan berfokus kepada pemahaman, penikmatan dan penghayatan bahan, isi cerita atau teks. Guru menerangkan perkara-perkara seperti unsur-unsur, nilai kemanusiaan dan gaya bahasa.

2. Teknik Keperihalan

Teknik ini hendaklah digunakan selepas teknik penerangan. Pelajar didedahkan dengan aspek-aspek kesusasteraan tertentu seperti bentuk, gaya bahasa, nilai, elemen struktur, unsur psikologi dan unsur sosiologi. Guru memastikan bahawa bahan yang dipetik daripada teks berfokus kepada objektif khusus pengajaran.

3. Teknik Perbandingan

Teknik ini bertujuan untuk membantu pelajar melihat persamaan atau perbezaan beberapa perkara. Kemahiran yang digunakan ialah kemahiran menganalisis. Pelajar menggunakan kemahiran ini untuk menentukan persamaan atau perbezaan serta melihat kaitan antara perkara-perkara yang hendak dibincangkan. Contohnya, pelajar menganalisis persamaan, perbezaan dan perhubungan dua watak dalam sesebuah novel atau menganalisis persamaan dan perbezaan latar antara dua cerpen.

4. Teknik Cerakinan

Pelajar membaca cerita atau teks dengan teliti supaya dapat memahami, menilai, dan menghayati cerita yang dibaca. Elemen-elemen yang terdapat dalam sesebuah karya sastera dicerakinkan. Contohnya, dalam pembelajaran sajak, keindahan bahasa yang digunakan diteliti dengan mencerakinkan sajak tersebut mengikut stanza, baris atau bait puisi. Kemudian, bahagian-bahagian itu dikelompokkan mengikut gaya bahasa yang digunakan seperti personifikasi, metafora, aliterasi atau asonansi.

5. Teknik Latihan

Latihan secara bertulis atau lisan didedahkan kepada pelajar. Latihan yang pelbagai seperti tugas, penceritaan semula, mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman sedia ada, peraduan mengarang, pementasan drama dan pembacaan puisi. Selain itu juga, pelajar boleh menggunakan lembaran penyusun grafik dan peta minda sebagai panduan dalam bentuk gambar rajah untuk merekodkan maklumat dan melihat perhubungan fakta, memahami dan mengingat maklumat dengan lebih mudah.

6. Teknik Percambahan Fikiran

Teknik penjanaan idea ini dilakukan dalam kumpulan kecil (4-5 orang). Seorang pelajar menjadi pengerusi dan seorang lagi penulis idea. Guru hendaklah memastikan pengerusi berupaya menggalakkan ahli-ahli kumpulan menjana idea tentang sesuatu aspek dalam cerita atau teks tanpa dinilai atau dipertikai.

7. Teknik Teater Pembaca dan Bercerita

Pelajar menghayati dan membaca skrip cerita dengan menggunakan sebutan, nada, intonasi yang betul bagi menggambarkan sesuatu cerita yang dipersembahkan.

8. Teknik Pemandu Seni

Untuk merangsang penghayatan pelajar terhadap sesebuah karya, unsur-unsur seni seperti muzik, seni lukis, seni tari, kaligrafi, dan seni lakon disepadukan untuk menghidupkan karya tersebut.

9. Teknik Kerusi Panas

Pelajar melakonkan watak-watak tertentu dari novel, cerpen atau bahan sastra yang lain. Pelakon tersebut perlu melakonkan watak dan perwatakan dengan penuh penghayatan. Pelajar lain menyoal pelakon tentang tindakannya atau pemikirannya berdasarkan watak dan perwatakan yang dimainkan dari bahan sastra tersebut.

10. Teknik Tangga Cerita

Pelajar dikehendaki menyusun dan mencatatkan peristiwa-peristiwa dalam sebuah cerita mengikut urutan dengan menggunakan bahan grafik agar mereka dapat memahami plot dan sinopsis cerita.

11. Teknik Cerpendra

Sekumpulan pelajar melakonkan sesebuah cerpen dalam bentuk drama. Teknik ini mendalami pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap watak, latar, tema dan persoalan yang ingin dipaparkan oleh penulis.

12. Teknik Main Peranan

Sekumpulan pelajar melakonkan sesuatu situasi, masalah atau peristiwa yang dianggap penting dalam sesebuah teks sastra. Pelajar memegang peranan sebagai watak-watak tertentu dan berlakon secara spontan satu situasi atau masalah yang berlaku dalam teks sastra tersebut.

13. Teknik Inkuiri

Teknik ini juga dikenali sebagai teknik tinjau siasat. Pelajar harus bersoal-selidik untuk mendapatkan jawapan atau kesimpulan tentang bahan sastra yang dikaji atau dipelajari. Hal ini dapat menimbulkan daya refleksi dalam kalangan pelajar dan mengajak pelajar berfikir secara kreatif dan kritis untuk menganalisis sesebuah bahan sastra yang dipelajari dan membuat rumusan.

14. Teknik Simulasi

Sekumpulan pelajar berinteraksi sesama sendiri untuk mewujudkan satu situasi yang hampir menyerupai keadaan sebenar bagi membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah atau isu yang dibentangkan dalam teks sastra tersebut. Pelajar harus mengumpulkan maklumat, menjalankan temu ramah dengan individu tertentu dan mencatatkan isi-isi penting. Pelajar digalakkan untuk memberikan pendapat, cadangan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berdasarkan peranan yang dipertanggungjawabkan. Melalui teknik ini pelbagai kemahiran dapat digabungkan dan dipertingkatkan terutamanya dalam kemahiran menganalisis dan membuat keputusan.

15. Teknik Perbincangan

Teknik perbincangan melatih pelajar untuk mengeluarkan fikiran dan pendapat dengan bernas tentang sesuatu perkara. Teknik perbincangan melibatkan aktiviti perbincangan antara pelajar secara bekerjasama dalam mengeluarkan pandangan masing-masing mengenai sesuatu teks sastra yang dibaca. Dalam teknik ini pelajar bermesyuarat, menyertai forum, menghadiri seminar, menyertai bengkel, berbincang dalam kumpulan kecil menggunakan teknik *buzz* atau berbahas atau berdebat tentang isu-isu yang dibentangkan dalam sesebuah teks sastra.

16. Teknik Drama

Pelajar menggunakan unsur bahasa, unsur paralinguistik seperti jeda, nada dan intonasi dan unsur bukan linguistik seperti mimik muka, gerak tangan, kepala dan lain-lain dengan berkesan dalam sesuatu interaksi bahasa dan perbuatan. Penggunaan unsur tersebut dapat mendorong pelajar untuk menghubungkan perasaan mereka dengan teks sastra yang dipelajari. Pelajar bebas meluahkan sesuatu pandangan, membuat penemuan, dan berkongsi pandangan tentang teks sastra yang dipelajari.

17. Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran koperatif merujuk kepada penggunaan kaedah kumpulan-kumpulan kecil bagi memaksimumkan hasil pembelajaran, sama ada secara berpasangan atau kumpulan bagi mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan bersama. Teknik ini dapat menghasilkan pencapaian dan produktiviti yang lebih tinggi dan memupuk sifat penyayang, kerjasama dan hubungan yang erat. Prinsip utama di sebalik teknik ini ialah pelajar perlu sedar bahawa setiap ahli dalam kumpulan amat penting dan memainkan peranan bagi menentukan kejayaan kumpulan. Antara teknik yang boleh digunakan dalam pembelajaran koperatif ialah Penyiasatan Berkumpulan, Meja Bulat, Temu Bual Tiga Langkah, *Jigsaw*, *Rally Robin* dan *Round Robin*.

AKTIVITI SARANAN

Yang berikut ialah aktiviti saranan bagi membantu pelajar memahami dan menghargai pelbagai jenis genre.

	Cara-cara Mengenalkan Pelajar kepada Sesuatu Genre	Prosa		Puisi	Drama
		Novel	Cerpen		
1.	Mendedahkan pelajar kepada pelbagai jenis puisi Pelajar didedahkan kepada pelbagai jenis puisi seperti pantun, syair, gurindam, dan sajak.			✓	
2.	Transformasi Pelajar mengolah semula teks dalam genre yang sama atau mengolah semula teks dalam genre yang lain.	✓	✓	✓	✓
3.	Persembahan Lisan Pelajar membaca kuat puisi untuk menentukan rima dan nada pelbagai jenis puisi (contoh: perbezaan pembacaan pantun, syair dan sajak)			✓	
4.	Main Peranan Pelajar berlakon untuk mengekspresi/menggayakan perasaan, melakonkan watak yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia.	✓	✓	✓	✓
5.	Teknik Soal Jawab Pelajar disoal tentang perbezaan antara pelbagai genre dalam sastera dan kemudiannya diikuti dengan perbincangan. Soalan lain seperti perbezaan puisi dan novel yang mengetengahkan isu peperangan.	✓	✓	✓	✓

Contoh beberapa Strategi Pengajaran

Strategi pengajaran sastera boleh dikategorikan kepada tiga bahagian utama seperti berikut:



Strategi dan aktiviti yang boleh dilakukan guru tidak terhad kepada perkara yang disarankan sahaja. Guru boleh memilih pelbagai strategi yang sesuai. Pemilihan tersebut haruslah berdasarkan pertimbangan berikut:


- Adakah aktiviti menepati objektif pelajaran?
- Adakah aktiviti-aktiviti yang dipilih pelbagai?
- Adakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan saling melengkapi?

Cara-cara Merangsang Minat Pelajar Terhadap Teks Prosa (Novel dan Cerpen), Puisi dan Drama	
1.	Idea utama atau isu sesebuah teks dijadikan bahan renungan pelajar atau bahan perbincangan yang dapat dijalankan secara berpasangan atau dalam kumpulan. Contoh arahan untuk pelajar: - Kamu akan membaca sebuah teks mengenai seorang wanita miskin. Mulakan dengan membayangkan seorang wanita miskin yang kamu tahu. Apakah perasaan dan sikap kamu terhadapnya? Adakah beliau berbeza dengan orang lain yang kamu kenal? Adakah kamu suka akan wanita itu? Mengapa? - Terangkan pandangan kamu kepada pasangan kamu.
2.	Membaca sumber lain yang mengandungi isu/kandungan yang sama seperti teks yang dibaca, contohnya, gambar, cerpen atau artikel. Bahan-bahan yang dipilih oleh pelajar atau guru boleh diambil daripada majalah, akhbar atau Internet. Sumber-sumber ini dapat membantu pelajar membuat kaitan antara isu yang diutarakan dalam teks dengan keadaan yang berlaku di sekeliling atau pengalaman peribadi pelajar.
3.	Menggunakan sumber audio-visual dan ICT. Menggunakan sumber yang pelbagai, tidak hanya bergantung pada yang bercetak sahaja. Contohnya, e-buku dan e-cerpen.
4.	Teknik soal jawab Menerusi soal jawab, guru merangsang proses pemikiran pelajar. Pelajar juga dapat menggunakan imaginasi untuk mengaitkan pengalaman atau pengetahuan pelajar kepada pelajaran yang berikutnya. Teknik ini melibatkan pelajar menilai kefahaman mereka terhadap perkara yang telah dipelajari.
5.	Meneroka tajuk Pelajar meneroka makna di sebalik tajuk sesebuah cerita/puisi/drama. Pelajar boleh mengaitkan tajuk teks dengan watak utama, tema atau latar teks tersebut.
6.	Membuat ramalan Pelajar membaca petikan daripada teks dan meramalkan perkara yang akan berlaku kemudiannya atau sebelumnya.
7.	Membuat kajian Pelajar memerlukan pengetahuan latar dan maklumat agar mereka memahami konteks/latar sesebuah teks. Secara berkumpulan, pelajar ditugaskan membuat kajian ke atas sesuatu topik/isu dengan mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber termasuk yang bercetak dan yang bukan bercetak.

Cara-cara Meneroka Aspek Pembelajaran (sudut pandangan, latar, perwatakan, plot dan struktur, dan gaya)	
1.	Menulis semula permulaan dan kesudahan teks Pelajar dikehendaki memulakan dan/atau mengakhiri puisi/cerpen yang telah dipadamkan stanza/perenggan pertama dan terakhir.
2.	Kesinambungan Cetak setiap stanza/perenggan sebuah puisi/teks di atas jalur-jalur kertas. Pelajar bekerja dalam kumpulan kecil. Setiap kumpulan ditugaskan untuk menyusun semula jalur-jalur kertas tersebut sehingga menjadi teks/puisi yang lengkap dan teratur. Kemudian, buat perbandingan dengan teks/puisi asal.
3.	Membuat ramalan Pelajar membaca semula sebuah teks dan berhenti di suatu bahagian/babak/bab. Pelajar kemudian diminta secara individu, berpasangan atau dalam kumpulan kecil, untuk membuat ramalan tentang perkembangan peristiwa/plot atau watak, dan juga kesudahan teks tersebut. Bacaan diteruskan dan ketepatan ramalan dibincangkan seterusnya.
4.	Bacaan terarah Kenalkan teks dalam beberapa bahagian supaya pelajar dapat memberikan tumpuan khusus pada satu bahagian dalam satu masa.
5.	Penggunaan penyusun grafik dan rajah seperti berikut: • carta alir; • sarang lelabah; • peta alir; • kalendar; • carta sebab dan akibat; • garis masa; • peta; dan • pelan. Pelajar boleh menggunakan penyusun grafik dan rajah untuk tujuan-tujuan berikut: • mengaitkan krisis kepada sebab dan akibat; • mengenal pasti peristiwa-peristiwa penting; • mengikuti perkembangan peristiwa/plot mengikut masa; • memperlihatkan perhubungan watak-watak; • memperlihatkan emosi dan perasaan watak dan perubahan perhubungan tertentu dalam cerita; dan • mencerakinkan watak-watak.


	Pelajar menilai rajah yang direka oleh mereka bagi perkara-perkara berikut: • menerangkan cara mereka memperlihatkan atau menggambarkan maklumat-maklumat relevan; dan • melihat keberkesanan penerangan dan penjelasan idea.
6.	Menggunakan bahan ICT dan sumber audio dan visual yang lain Membuat perbandingan cerita yang sama yang dipaparkan dalam bentuk filem dan bentuk teks.
7.	Teknik soal jawab Soalan-soalan diajukan oleh guru sebagai panduan kepada pelajar mencapai matlamat pembacaan serta membantu pelajar memberikan tumpuan pada sesuatu perkara. Soalan-soalan ini boleh berbentuk soalan pemahaman atau jurnal renungan atau penilaian sendiri. Contoh soalan: • <i>Apakah perasaan yang kamu alami ketika membaca sajak ini?</i> • <i>Apakah kesan cerita ini kepada diri kamu?</i>
8.	Percikan kata Pelajar memberikan percikan kata yang membawa makna semantik yang terdapat dalam tajuk atau kandungan teks. Kemudian, mereka boleh membulatkan perkataan-perkataan yang tidak disangka-sangka timbul dalam petikan teks tersebut. Pelajar membuat penilaian kepada pemilihan perkataan itu.
9.	Ilustrasi Pelajar melukis imejan yang sesuai dengan peristiwa, watak, latar atau tema teks. Ilustrasi ini boleh dipadankan dengan nukilan-nukilan yang sesuai daripada teks.
10.	Aktiviti mengisi maklumat Pelajar boleh mengisi maklumat-maklumat yang sengaja ditiadakan dalam teks menerusi aktiviti menulis jurnal, dialog, surat atau e-mel.
11.	Main peranan dan melakonkan drama Aktiviti ini boleh digunakan untuk melakonkan semula babak dalam drama atau peristiwa dalam cerpen atau novel. Pelajar boleh: • membaca lantang babak dalam drama dengan memberikan tumpuan pada makna dan ekspresi main peranan sebagai watak atau mendramakan satu babak daripada teks; • membuat perancangan pada kedudukan dan pergerakan watak di pentas;

	• menyediakan penerangan, dalam bentuk ilustrasi atau penulisan, pakaian (kostum), set penggambaran (latar), meringkaskan teks dan melakonkannya dalam persembahan; • mengenal pasti dan melakonkan babak-babak yang berlainan yang menggambarkan perbezaan sifat atau sikap watak; dan • menukar atau memperbaiki babak-babak atau membincangkan watak-watak dalam teks.
12.	Ringkasan Pelajar boleh: • menulis sinopsis drama untuk disertakan dalam program teater; dan • menceritakan semula plot atau idea utama menggunakan perkataan mereka sendiri.
13.	Menggunakan aktiviti bahasa Pelajar boleh: • meneliti pelbagai jenis teks seperti iklan dan ucapan untuk mengenal pasti dan memilih perkataan-perkataan yang berkesan; • mengkategorikan perkataan-perkataan tersebut untuk melihat bagaimana perkataan dapat memberikan konotasi dan kesan yang berbeza; • membandingkan kesan penggunaan dan susunan ayat-ayat panjang, pendek dan antara dua perenggan atau stanza; dan • dikenalkan kepada istilah-istilah baharu dan/atau penting dalam wacana teks.



	Cara Menjana Respons Kreatif Prosa (Novel dan Cerpen), Puisi dan Drama
1.	Persembahan secara lisan seperti: • pantomin; • main peranan; dan • rakaman bacaan teks.
2.	Jurnal/Diari/Blog Pelajar menulis jurnal, diari atau blog tentang watak pilihan mereka tanpa memberikan nama pada watak itu. Pelajar kemudian digalakkan untuk bertukar-tukar jurnal/diari/blog watak pilihan dan meneka watak tersebut. Kemudian, pelajar memikirkan pula watak dalam cerita yang menulis jurnal/diari/blog tersebut.
3.	Surat Pelajar menulis sepucuk surat kepada watak pilihan dalam cerita.
4.	Menulis semula peristiwa dari sudut pandangan yang berbeza Pelajar memainkan peranan sebagai watak pilihan mereka dan merenung kembali suatu peristiwa dalam teks. Pelajar kemudian mengubah bentuk bahagian-bahagian tertentu dalam teks kepada bentuk diari, surat, ulasan, coretan akhbar, skrip drama dan sebagainya.
5.	Transformasi Pelajar diminta untuk mengubah teks asal atau asli kepada bentuk/pandangan yang lain seperti berikut: • mengolah semula teks asal dalam genre yang lain atau jenis teks. Misalnya, prosa kepada puisi, novel kepada drama; • mengolah semua teks asal dari perspektif yang lain. Misalnya, pandangan wanita kepada pandangan lelaki, olah versi yang baharu; dan • merentas cipta teks naratif menjadi diari, ulasan, coretan akhbar, skrip drama dan sebagainya.
6.	Main peranan dan melakonkan drama Pelajar boleh: • mementaskan drama atau sesuatu babak; • membuat pementasan versi moden dalam bentuk penyiaran bagi media massa seperti siri drama televisyen atau tarian kontemporari/taridra; • merentas cipta; • menulis dialog perbualan antara watak yang tidak disertakan oleh penulis dalam penulisannya; • menukarkan latar cerita; dan • mengembangkan, meluaskan atau memperincikan dialog.

7.	Menggunakan penyusun grafik dan rajah Pelajar menggunakan penyusun grafik dan rajah yang dapat merangsang minat.
8.	Ilustrasi Pelajar mengilustrasikan idea-idea utama, peristiwa-peristiwa penting, watak-watak dan latar dalam teks menurut interpretasi pelajar terhadap teks dan mereka kulit buku.
9.	Respons peribadi Pelajar menggambarkan dan berkongsi perasaan dan pandangan mereka dalam bentuk lisan atau tulisan dalam bentuk jurnal/diari/blog.
10.	Perbincangan Secara berkumpulan, pelajar berkongsi pandangan perasaan dan reaksi mereka.
11.	Menghasilkan sajak Pelajar boleh menghasilkan pelbagai sajak.



ALAT PENILAIAN

Salinan Guru

Senarai Semak: Perbincangan

Sila tandakan (✓) setiap butiran yang berikut.

Sikap		Tandakan (✓)	Kemahiran Sosial		Tandakan (✓)	Bahasa		Tandakan (✓)
1	memberikan idea		5	bertutur mengikut giliran		9	memberikan pandangan dengan jelas	
2	menghormati pendapat rakan		6	memberikan pendapat pada masa yang sesuai		10	menjawab soalan dengan bahasa yang gramatis	
3	mendengar dengan teliti apabila rakan sedang bertutur		7	menyatakan pandangan dengan sopan		11	menggunakan sebutan baku	
4	bersetuju untuk tidak bersetuju		8	menyokong pendapat rakan dengan rasional		12	menggunakan kata panggilan yang sesuai	

Saranan untuk membaiki kemahiran:

Borang Renungan

Nama: _____ Tarikh: _____

Kelas: _____ Gred yang diperolehi: _____

Tajuk Tugas: _____

- 1 Saya berpuas hati/tidak berpuas hati* dengan tugas ini kerana:

- 2 Perkara penting yang saya pelajari ketika merancang tugas ini:

- 3 Ketika melakukan tugas ini, saya menghadapi masalah yang berikut:

- 4 Saya mengatasi masalah yang saya hadapi dengan cara berikut:

- 5 Saya akan melakukan perkara-perkara berikut untuk tugas yang akan datang:

Borang Renungan: Perbandingan

Perkara yang sepatutnya dilakukan	Perkara yang tidak sepatutnya dilakukan
1. <u>Perancangan</u> Satu perkara yang betul yang saya/kami lakukan semasa peringkat perancangan.	1. <u>Perancangan</u> Satu perkara yang tidak sepatutnya saya/kami lakukan semasa peringkat perancangan.
2. <u>Pembinaan</u> Satu perkara yang betul yang saya/kami lakukan semasa peringkat pembinaan.	2. <u>Pembinaan</u> Satu perkara yang tidak sepatutnya saya/kami lakukan semasa peringkat pembinaan.
3. <u>Persembahan</u> Satu perkara yang betul yang saya/kami lakukan semasa peringkat persembahan.	3. <u>Persembahan</u> Satu perkara yang tidak sepatutnya saya/kami lakukan semasa peringkat persembahan.

Pengajaran yang saya/kami peroleh:

Cara saya/kami mengatasi masalah yang dihadapi:

Rubrik Mendeklamasi Puisi

Item	Baik	Boleh dibaiki
Sebutan	Setiap perkataan disebut dengan jelas. ☐	Ada beberapa perkataan yang disebut secara tersekat-sekat. ☐
Jeda	Setiap stanza dibaca dengan jeda dan penekanan yang sesuai. ☐	Bacaan yang mendatar tanpa sebarang penekanan. ☐
Nada	Nada suara yang pelbagai digunakan bagi menunjukkan emosi yang bersesuaian. Nada suara ditukar bagi menekankan makna sajak. ☐	Nada suara mendatar tanpa menunjukkan sebarang emosi terhadap sajak yang dibaca. ☐
Komen Guru:		

Nilai penyampaian rakan kamu. Tandakan ✓ di ruang yang disediakan berdasarkan penilaian kamu.

Nama Rakan : _____

Temu Bincang Guru dengan Pelajar

Nama: _____

Penggal: _____

Tarikh: _____

Kemahiran/Aktiviti: _____

1. Mengapakah kamu memilih tajuk ini?
2. Bagaimanakah kamu merancang tugas yang diberikan?
3. Daripada manakah kamu mendapatkan maklumat untuk membuat tugas ini?
4. Apakah cabaran/masalah yang kamu hadapi ketika membuat tugas ini?
5. Apakah yang kamu lakukan untuk mengatasi masalah atau cabaran/masalah yang kamu hadapi?
6. Bahagian manakah dalam tugas ini yang kamu suka?
7. Apakah kekuatan kamu dalam tugas ini? Mengapa?
8. Bagaimanakah saya dapat membantu kamu mengatasi cabaran atau kelemahan kamu?
9. Apakah perkara-perkara yang kamu telah pelajari daripada tugas ini?
10. Apakah perkara yang ingin kamu pelajari dengan lebih lanjut?
11. Pada keseluruhannya, sudahkah kamu telah menunjukkan kemajuan?

Temu Bincang Guru dengan Ibu bapa

Nama Pelajar: _____

Kelas: _____

Nama Pewaris: _____

Topik: _____

Tarikh: _____

Kepada Pewaris

Sila semak tugas dan latihan dalam fail Bahasa Melayu sebelum persidangan. Ada beberapa tugas/latihan diiringi dengan komen atau ulasan daripada pelajar atau/dan guru. Fail ini juga mengandungi penilaian sendiri pelajar untuk menilai pencapaian dan perkembangannya dalam mata pelajaran Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu.

Anda boleh membuat penilaian dengan menjawab beberapa soalan yang berikut:

- Pada pendapat anda, apakah pencapaian yang ketara dalam pembelajaran anak anda dalam subjek ini?
- Apakah kekuatan anak anda?
- Apakah kelemahan yang perlu diatasi oleh anak anda?
- Bagaimanakah anak anda boleh mengatasi kelemahan ini?
- Apakah sokongan yang boleh anda berikan/diberikan sekolah bagi membolehkan anak anda mengatasi kelemahannya?

Pelibatan anda dalam penilaian ini diharap dapat memberi anak anda rangsangan dan maklum balas yang bermutu.

Terima kasih.

Tanda tangan guru_____
Tanda tangan pewaris

Rubrik Penyampaian

Nama Pelajar : _____

Kriteria	Lemah	Sederhana	Baik	Cemerlang
Isi	Isi yang disampaikan tentang topik amat tidak mencukupi.	Isi yang disampaikan tentang topik agak mencukupi.	Isi yang disampaikan tentang topik mencukupi.	Isi yang disampaikan tentang topik mencukupi dan contoh yang diberikan sesuai.
Ayat	Ayat yang digunakan tidak gramatis.	Beberapa ayat yang digunakan tidak gramatis.	Ayat-ayat mudah yang digunakan gramatis.	Ayat-ayat yang digunakan pelbagai dan gramatis.
Kosa Kata	Kosa kata yang digunakan terhadap dan tidak sesuai dengan topik.	Kosa kata yang digunakan terhadap dan ada kalanya kurang sesuai dengan topik.	Kosa kata yang digunakan mencukupi dan sesuai dengan topik.	Kosa kata yang digunakan mencukupi dan pelbagai serta sesuai dengan topik.
Penyampaian	Penyampaian sukar difahami.	Penyampaian boleh difahami tetapi ada kalanya kurang jelas.	Penyampaian jelas tetapi ada kalanya tersekat-sekat.	Penyampaian jelas dan lancar.

Nilai penyampaian rakan kamu. Tandakan ☒ di ruang yang disediakan berdasarkan penilaian kamu.

Komen:

Senarai Semak: Penyampaian

Guru boleh menggunakan senarai semak ini untuk menandakan pencapaian pelajar bagi setiap kriteria yang disenaraikan.

Tandakan tahap pencapaian yang dicapai bagi kriteria yang disenaraikan:									
1 – Di bawah jangkaan		2 – Menghampiri jangkaan		3 – Mencapai jangkaan		4 – Melebihi jangkaan			
Nama Pelajar	Kelancaran	Sebutan	Intonasi	Penggunaan pelbagai ayat	Penggunaan pelbagai kosa kata yang sesuai	Isi cerita atau perbincangan yang menepati tajuk	Bertatasusila dalam penyampaian	Memberikan respons terhadap pertanyaan	Menggunakan alat visual/ teknologi maklumat

Rubrik Lakonan

Nama Kumpulan: _____

Kriteria	Lemah	Sederhana	Baik	Cemerlang
Penghayatan	Tidak menghayati watak.	Kurang menghayati watak.	Dapat menghayati watak.	Dapat menghayati watak dengan baik.
Intonasi suara	Penggunaan intonasi suara tidak sesuai.	Penggunaan intonasi suara ada kalanya kurang sesuai.	Penggunaan intonasi suara baik dan sesuai.	Penggunaan intonasi suara amat baik dan sesuai.
Ekspresi	Pergerakan badan serta mimik muka tidak sesuai.	Pergerakan badan serta mimik muka kurang sesuai.	Pergerakan badan serta mimik muka sesuai.	Pergerakan badan serta mimik muka amat sesuai.
Kejelasan	Penyampaian tidak jelas.	Penyampaian kurang jelas.	Penyampaian jelas.	Penyampaian amat jelas.

Tandakan ☒ pada kotak yang sesuai.

Saranan bagi memperbaiki lakonan:
